Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN Dia telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang kamu pohonkan kepada-Nya, dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya".
- Firman Allah dalam Surah Ibrahim, ayat 34.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.32 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.28 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.14
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 138 | 16 NOVEMBER 2024 / 1446 جمادي الأول 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# Berkenan menerima Grand Collar of the Order of the Sun of Peru

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Grand Collar of the Order of the Sun of Peru yang dianugerahkan oleh Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra selepas sahaja selesai Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman.

**>> Muka 5**

# PERJUMPAAN DUA HALA ERATKAN KERJASAMA PELBAGAI BIDANG



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong, yang berlangsung di The Westin Lima Hotel and Convention Centre, Lima, Republik Peru. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (*Lihat muka 3*).**

# Bentuk masa depan penerbangan berdaya tahan di Asia-Pasifik

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**JERUDONG**, Rabu, 13 November. - Industri penerbangan adalah satu bidang yang dinamik dan terus berkembang, selain sentiasa menyesuaikan diri untuk memenuhi tuntutan dunia yang semakin global dan saling berkait.

Sehubungan itu, industri ini sedang mempersiapkan untuk perubahan besar yang akan mentakrifkan semula cara kita melancong, menjalankan perniagaan dan berhubung antara satu sama lain yang mana perubahan-perubahan ini didorong oleh kemajuan teknologi, perubahan landskap geopolitik dan penekanan yang lebih besar terhadap kelestarian.

**>> Muka 12**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



BIBD Mega Karnival sediakan platform perniagaan tempatan
Muka 11



JELAJAH Kerjaya 2024 dirasmikan
Muka 13



USAHA berterusan bendung gejala buli di sekolah
Muka 17




MEMAHAMI kepentingan persaingan
Muka 28

# Memperkasa pendidikan melalui inovasi digital



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan ucapan perasmian pada Mesyuarat Ahli Lembaga Tadbir (GBM) Pusat Inovasi dan Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO INNOTECH) Ke-68, bertempat di Rizqun International Hotel, Gadong pada Rabu, 23 Oktober 2024.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

***Bismillaahir Rahmaanir Raheem, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Anbiya Iwal Mursaleen, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een***
**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Datang**

**ALHAMDULILLAH**, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita berkumpul di sini untuk Mesyuarat Ahli Lembaga Tadbir SEAMEO INNOTECH Ke-68. Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan kedatangan wakil ke Negara Brunei Darussalam (NBD) daripada Sekretariat SEAMEO, Ahli Lembaga Pengarah SEAMEO INNOTECH, dan semua perwakilan dari negara anggota SEAMEO.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada SEAMEO INNOTECH, terutamanya kepada Dr. Briones dan pasukannya, serta Sekretariat SEAMEO di atas sokongan dan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi kepada NBD untuk menganjurkan mesyuarat berprestij ini.

Mesyuarat Ahli Lembaga Tadbir (GBM) SEAMEO INNOTECH Ke-68 bukan sahaja platform untuk membincangkan hala tuju dan strategi SEAMEO INNOTECH tetapi juga peluang untuk berkongsi idea, pengalaman dan inovasi pendidikan yang boleh memberi impak positif kepada generasi akan datang; penting untuk pendidikan berkualiti.

Tema sesi perkongsian pengetahuan dalam mesyuarat ini ialah 'Memperkasakan Pendidikan Melalui Inovasi Digital : Strategi, Cabaran, dan Hala Tuju Masa Depan', bukan sahaja relevan tetapi membuktikan kepentingan inovasi dan kebolehsuaian dalam pendidikan yang tidak pernah menjadi lebih jelas. Ia membolehkan kita menyelidiki dengan lebih mendalam isu-isu yang dihadapi - cara memanfaatkan kuasa teknologi digital untuk meningkatkan pembelajaran, mengatasi halangan dan membuka jalan bagi sistem pendidikan sedia masa hadapan.

Dalam tahun 2022, deklarasi mengenai Transformasi Digital Sistem Pendidikan di ASEAN, negara anggota secara kolektif komited untuk mempromosikan akses kepada teknologi digital, memupuk celik digital dan melengkapkan rakyat dengan kemahiran yang boleh dipindah milik di seluruh rantau ini. Komitmen bersama ini menyerlahkan kepentingan menyediakan masyarakat kita untuk berkembang maju dalam dunia yang terhubung secara digital.

Transformasi digital merupakan agenda utama di NBD, khususnya berikutan pelancaran Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, yang berhasrat menjadikan Brunei sebagai Negara Pintar selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Dengan panduan Majlis Ekonomi Digital, Kementerian Pendidikan telah mengembangkan Rancangan Transformasi Digitalnya, yang menggariskan usaha strategik untuk memacu transformasi digital dalam kluster pendidikan. NBD mula mengorak langkah besar dalam memperkasakan pendidikan melalui inovasi digital - dengan inisiatif yang bertujuan untuk membekalkan tenaga kerja dengan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi gelombang digitalisasi, memanfaatkan peluang yang ada, dan akhirnya menyediakan pendidikan berkualiti tinggi untuk semua.

Walaupun manfaat inovasi digital dalam pendidikan adalah besar, kita juga harus mengakui terdapat pelbagai cabaran seperti : Jurang Digital - akses kepada teknologi kekal tidak seimbang, dengan ramai pelajar kekurangan peranti yang diperlukan dan sambungan internet. Merapatkan jurang digital ini adalah penting untuk memastikan tiada pelajar yang tertinggal. Keselamatan Siber dan Privasi - memandangkan kita menggunakan lebih banyak alat digital, melindungi privasi dan keselamatan data pelajar menjadi keutamaan. Melaksanakan langkah keselamatan siber yang teguh adalah penting untuk melindungi maklumat sensitif. Rintangan kepada Perubahan - perubahan boleh menjadi menakutkan, dan mungkin ada tentangan daripada pendidik, ibu bapa, dan juga pelajar. Adalah penting untuk menangani kebimbangan ini melalui komunikasi terbuka dan dengan menunjukkan faedah ketara dalam inovasi digital.

Walaupun cabaran ini memerlukan pertimbangan yang teliti, ia juga memberikan peluang untuk kerjasama dan pertumbuhan bagi negara anggota SEAMEO untuk mengukuhkan kerjasama kita. Dengan mengumpulkan kepakaran dan sumber, kita dapat menangani isu-isu ini dengan lebih berkesan dan membina sistem pendidikan yang lebih berdaya tahan dan inklusif untuk rantau ini. Melalui semangat kerjasama ini, kita dapat mengatasi halangan dan terus membuat kemajuan ke arah matlamat pendidikan kita bersama.

**>> Muka 18**

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | SABTU | 14 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.14 |
| 17 | AHAD | 15 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 18 | ISNIN | 16 | 4.37 | 4.47 | 6.09 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 19 | SELASA | 17 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.33 | 12.07 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 20 | RABU | 18 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.33 | 12.07 | 3.29 | 6.02 | 7.15 |
| 21 | KHAMIS | 19 | 4.38 | 4.48 | 6.10 | 6.33 | 12.07 | 3.29 | 6.03 | 7.16 |
| 22 | JUMAAT | 20 | 4.38 | 4.48 | 6.10 | 6.34 | 12.07 | 3.29 | 6.03 | 7.16 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 25 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 25 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 31 25 °C | 31 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 16 NOVEMBER 2024

### Muhasabah diri, jadikan kegagalan pengajaran untuk memperbaiki diri

**DALAM** masa sebulan lagi kita akan mengakhiri tahun 2024. Ada baiknya kita mengakhiri tahun 2024 dengan mengamalkan muhasabah diri untuk mengimbas kembali saat-saat penting dan bermakna dan jika tidak saat-saat yang menjadi pengajaran kepada kita. Muhasabah diri adalah cara yang bermakna untuk kita membuat persediaan ke arah pembaikan diri dan juga perkembangan peribadi dari segi cara berfikir, menangani masalah dan cara kita meninggalkan impak positif kepada orang di sekeliling kita.

Apabila kita melakukan muhasabah diri, antara kebaikan atau manfaat yang akan didapati ialah kejelasan tentang matlamat hidup dan nilai-nilai berkaitan keperibadian yang menjadi pegangan. Dengan melakukan muhasabah diri kita akan dapat menilai semula perkara-perkara penting yang ingin kita capai sebagai matlamat hidup. Ia memberi kita gambaran yang lebih jelas tentang perkara yang ingin kita fokuskan pada tahun akan datang yang belum tercapai tahun ini atau sebelumnya.

Muhasabah diri juga membantu kita untuk mencatat segala pencapaian yang terlaksana untuk menjadi pembakar semangat untuk terus membuat yang terbaik untuk diri kita dan orang-orang yang kita sayangi. Mengambil kira pencapaian, pengajaran yang dipelajari dan cara kita berkembang boleh membantu membina rasa pencapaian dan mengingatkan kita tentang kemajuan apabila kita merasa kurang semangat.

Melalui muhasabah diri, kita boleh mengenal pasti tabiat-tabiat yang kita sama ada baik atau tidak yang berulang. Ini adalah peluang untuk memutuskan mana yang hendak dibawa ke hadapan dan mana yang harus ditinggalkan. Selain itu ia juga membantu meningkatkan rasa belas kasihan pada diri-sendiri.

Ini adalah penting kerana kadang-kadang apabila kita terlalu bersusah-payah untuk mencapai sesuatu matlamat dan kemudian gagal kita akan merasa terlalu kecewa dengan diri seakan-akan menghukum diri sendiri. Daripada kita menghukum diri dengan rasa kecewa keterlaluan lebih baik kita muhasabah diri dan kemudian mengkaji apa punca kita gagal mencapai matlamat kita dan kemudian mengubah cara kita mencapai matlamat tersebut dan juga bersifat realistik dengan jangka masa dan sebesar mana usaha diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut.

Dari perspektif Islam, keutamaan muhasabah diri ada disebutkan dalam Surah Al-Hasyr, ayat 18, Allah Subhanahu Wata'ala Berfirman yang mafhumnya : *"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakannya untuk hari esok (hari akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".*

Melalui tafsir tersebut dapat difahami bahawa setiap manusia diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk selalu merenungi dan menilai setiap amal perbuatan yang telah dilakukannya. Oleh kita hendaklah sentiasa melakukan perbuatan-perbuatan baik sebagai persiapan untuk menghadap Allah pada hari kiamat nanti. **- Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتکن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Perjumpaan dua hala eratkan kerjasama pelbagai bidang

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Khamis, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong, yang berlangsung di The Westin Lima Hotel and Convention Centre, Lima, Republik Peru.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menzahirkan rasa gembira atas pertemuan rasmi pertama antara kedua-dua pemimpin, dan seterusnya menyampaikan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama atas pelantikannya sebagai Presiden Republik Sosialis Viet Nam baru-baru ini.

Baginda juga merakamkan penghargaan atas undangan Tuan Yang Terutama untuk melawat Viet Nam, justeru itu baginda teruja untuk melawat negara itu sekali lagi, dengan harapan untuk terus berusaha dalam mempertingkatkan lagi Perkongsian Komprehensif dalam bidang kepentingan bersama.

Menyentuh mengenai hubungan dua hala Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Sosialis Viet Nam, Kebawah DYMM menekankan bahawa kedua-dua buah negara berkongsi hubungan yang mesra dan rapat, melalui hubungan pertukaran antara rakyat yang dipupuk selama bertahun-tahun.

Kerjasama politik terus berkembang dan Pelan Tindakan akan melakar hala tuju strategik dalam hubungan dua hala. Ke arah ini, baginda menzahirkan rasa sukacita atas kerjasama ekonomi yang kian berkembang dengan baik, dengan melebihi sasaran perdagangan USD500 juta yang telah ditetapkan pada 2017, sambil mencadangkan untuk menetapkan sasaran perdagangan baharu yang boleh dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan hubungan yang sangat baik ini.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah DYMM menyampaikan sokongan NBD kepada Republik Sosialis Viet Nam dalam menganjurkan APEC pada 2027.

Hubungan diplomatik di antara NBD dan Republik Sosialis Viet Nam mula terjalin pada 29 Februari 1992, di mana kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, perdagangan, tenaga dan pendidikan.

# BERANGKAT MELAWAT NAVAL SCHOOL



**LIMA, REPUBLIK PERU**, Rabu, 13 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat melawat Escuela Naval de Peru (Naval School of Peru) di La Punta, Callao, Republik Peru.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pertahanan Republik Peru, Tuan Yang Terutama Walter Astudillo; Chief of the Naval School of Peru, Real Admiral Luis Leon Cores, dan beberapa orang Pegawai Kanan Tentera Laut Republik Peru.

Baginda seterusnya melintasi Barisan Kawalan Statik menuju ke tugu memorial Admiral Grau bagi menghadiri Floral Offering Ceremony.

Kebawah DYMM kemudian berangkat ke Edificio Aguirre bagi menyaksikan pertunjukan Peruvian Marine Corps Fanning Company dan seterusnya menghadiri Majlis Santap Tengah Hari.

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM berkenan menandatangani Buku Pelawat dan menerima sebuah pesambah.

Naval School of Peru adalah sebuah institusi yang bertanggungjawab ke atas pendidikan sarjana muda bagi bakal pegawai-pegawai Tentera Laut Peru, dengan memberi tumpuan kepada enam tunjang latihan iaitu akademik; ketenteraan laut; fizikal; sosiobudaya; nautika; etika dan moral.

Setelah berjaya menamatkan program lima tahun ini nanti, para kadet akan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Maritim Tentera Laut, dan menerima pangkat Frigate Ensign.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melintasi Barisan Kawalan Statik (atas).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah hari. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas).**




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai di tugu memorial Admiral Grau (kanan).**

PELITA BRUNEI

# BERANGKAT ADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PRESIDENT OF THE SUPREME COURT



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan perjumpaan bersama President of the Supreme Court, Tuan Yang Terutama Javier Arévalo Vela, bertempat di Palacio de Justicia (Palace of Justice), Republik Peru.**

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan perjumpaan bersama President of the Supreme Court, Tuan Yang Terutama Javier Arévalo Vela, bertempat di Palacio de Justicia (Palace of Justice), Republik Peru.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani sebuah Buku Pelawat.

# NBD-Republik Peru perkukuh hubungan, bekerjasama ke arah matlamat bersama



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Pingat Kehormatan 'Congressional Medal of Honour' daripada President of the Congress, Tuan Yang Terutama Eduardo Salhuana Cavides.**

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan perjumpaan bersama President of the Congress, Tuan Yang Terutama Eduardo Salhuana Cavides, bertempat di Palacio Legislativo (Office of the President of Congress), Republik Peru.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Selesai Perjumpaan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Pingat Kehormatan 'Congressional Medal of Honour' daripada Tuan Yang Terutama, yang merupakan penganugerahan tertinggi yang disampaikan oleh Kongres Republik Peru.

Ini diikuti dengan titah Kebawah DYMM, di mana baginda bertitah menzahirkan penghargaan atas penghormatan untuk menerima 'Congressional Medal of Honour' yang berprestij, dan baginda percaya bahawa pingat berkenaan adalah simbol teras sejarah Peru yang kaya raya dan merangkumi nilai-nilai yang telah lama wujud di Peru.

Pingat berkenaan juga titah Kebawah DYMM, melambangkan perkongsian dan persahabatan yang kukuh antara kedua-dua buah negara.

Oleh itu, baginda bertitah amat mengharapkan pengukuhan hubungan dan saling bekerjasama ke arah matlamat-matlamat bersama.

# Kebawah DYMM berkenan menerima anugerah The Key to Lima City

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan perjumpaan bersama Mayor of Lima, Tuan Yang Terutama Rafael López Aliaga, bertempat di Palacio Municipal de Lima (Municipal Palace of Lima), Republik Peru dan seterusnya berkenan menerima sebuah pesambah berupa buku koleksi gambar.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Selesai perjumpaan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat menghadiri Majlis Penyerahan 'The Key to Lima City', dengan Tuan Yang Terutama Mayor of Lima menyembahkan Kunci Lima City ke hadapan majlis Kebawah DYMM, sebagai tetamu tersohor di Bandaraya Lima.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama semasa menyampaikan ucapan, antara lainnya menyatakan bahawa penyerahan berkenaan melambangkan satu penghormatan tertinggi yang dianugerahkan oleh Bandaraya Lima kepada seorang tetamu terhormat, sekali gus memberikan peluang untuk menjalinkan hubungan yang baik kepada kedua-dua belah pihak.

Ini diikuti dengan titah Kebawah DYMM di mana baginda bertitah merakamkan penghargaan atas penghormatan besar untuk menerima 'Key of the City of Lima' berkenaan, sebagai simbol kepercayaan dan persahabatan yang penting.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah menzahirkan ucapan terima kasih atas kemesraan dan keramahan penduduk Lima, dan baginda menyatakan bahawa Bandaraya Lima, di bawah kepimpinan TYT Mayor of Lima terus menjadi sebuah hab budaya, ekonomi, dan politik.

Transformasi Lima selama ini titah baginda lagi, adalah luar biasa dan menawarkan pengajaran dan inspirasi berharga untuk bandar-bandar di seluruh dunia, termasuk di Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, Kebawah DYMM percaya dengan penerimaan 'Key to the Lima City' berkenaan menandakan pintu masuk untuk menjalin hubungan yang lebih mendalam dan bermakna antara kedua-dua buah negara.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Kunci Lima City dari Mayor of Lima, Tuan Yang Terutama Rafael López pada Majlis Penyerahan 'The Key to Lima City'.**

# BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP NEGARA TENGAH HARI



**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Gran Cornedor, Republik Peru bagi menghadiri Majlis Santap Negara Tengah Hari bersempena dengan Keberangkatan Negara ke Republik Peru yang dihoskan oleh Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialahpaduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Gran Cornedor, Republik Peru bagi menghadiri Majlis Santap Negara Tengah Hari bersempena dengan Keberangkatan Negara ke Republik Peru yang dihoskan oleh Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Government Palace, Kebawah Duli Yang Maha Mulia disembahkan dengan ucapan selamat berangkat daripada Puan Yang Terutama Presiden Republik Peru.

# Berkenan menerima Grand Collar of the Order of the Sun of Peru

**>> Muka 1**

Penganugerahan tersebut antara lainnya sebagai satu pengiktirafan dan simbol komitmen Republik Peru untuk terus bekerjasama dengan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam mencapai kesejahteraan kepada rakyat kedua-dua buah negara. Anugerah tersebut juga merupakan penghormatan tertinggi dari Republik Peru yang telah diwujudkan sejak negara berkenaan mencapai kemerdekaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya bertitah menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Yang Terutama Presiden Republik Peru atas penganugerahan Grand Collar of the Order of the Sun of Peru, yang mana anugerah berprestij ini melambangkan sejarah terkenal Republik Peru dan merupakan bukti persahabatan dan hubungan kukuh kepada kedua-dua buah negara.

Baginda menekankan bahawa penghormatan ini meningkatkan komitmen untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala. Tambahan lagi, budaya bersemangat, warisan yang kaya dan peranan penting Republik Peru dalam kerjasama serantau menjadikannya sebagai rakan kongsi yang dihargai di arena antarabangsa.

Akhir sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap untuk meneroka jalan-jalan baharu untuk kerjasama yang akan dapat memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara dalam menyumbang keamanan dan kemakmuran global.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Grand Collar of the Order of the Sun of Peru yang dianugerahkan oleh Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra.**

PELITA BRUNEI

# HUBUNGAN PERDAGANGAN NBD, REPUBLIK PERU TERUS DIPERTINGKATKAN



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bertempat di Tupac Amaru Hall.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian berkenan meneruskan Keberangkatan Negara dengan menghadiri Mesyuarat Dua Hala bertempat di Tupac Amaru Hall, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Mesyuarat Dua Hala tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada permulaan mesyuarat, antara lainnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra, pemerintah serta rakyat Republik Peru atas sambutan mesra dan susun atur yang telah dihulurkan dengan terbaik.

Keberangkatan ini juga menandakan lawatan ketiga Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Republik Peru, justeru, baginda menghargai undangan tersebut kerana ia juga merupakan Keberangkatan Negara pertama baginda ke negara berkenaan.

Oleh itu, Kebawah DYMM teruja dan berharap untuk mengadakan pertemuan dengan pelbagai pihak daripada Pemerintah Republik Peru dan seterusnya melahirkan keyakinan bahawa perbincangan-perbincangan pada hari ini akan membuahkan hasil dan mengukuhkan lagi persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Justeru, baginda percaya bahawa terdapat potensi besar untuk memperkukuhkan hubungan dua hala dan meneroka bidang-bidang baharu untuk kerjasama yang akan memberi manfaat kepada rakyat.

Selain itu, Kebawah DYMM berharap untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC yang akan datang dan seterusnya mengucapkan tahniah kepada Puan Yang Terutama Presiden Republik Peru di atas kejayaan sebagai Pengerusi APEC pada tahun ini, yang mencerminkan peranan penting Republik Peru di persada antarabangsa.

Mesyuarat Dua Hala itu antara lainnya memberi tumpuan terhadap hubungan dua hala, di mana Kebawah DYMM mengakui meskipun perdagangan dua hala agak sederhana, namun terdapat momentum baru-baru ini terutamanya melalui komoditi seperti urea dan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Peru harus terus memanfaatkan keahlian bersama dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan.

Ke arah ini, baginda mengalu-alukan Republik Peru untuk meluaskan ufuk ekonominya ke Asia Tenggara melalui NBD.

Baginda seterusnya menekankan bahawa pertukaran antara rakyat mengeratkan hubungan antara kedua-dua buah negara dengan signifikan dan baginda melahirkan penghargaan atas pengaturan pengecualian visa yang sedia ada dalam memudahkan pertukaran tersebut serta menggalakkan kerjasama yang lebih luas dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, terutamanya dalam bidang vokasional teknikal.

Kebawah DYMM juga merakamkan rasa berpuas hati dengan pemeteraian Memorandum of Understanding on Bilateral Consultations dan Memorandum of Understanding on Judiciary Cooperation semasa Keberangkatan Negara ini dan sekali gus membuka jalan untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama bersama.

Menyentuh tentang bidang pertahanan, NBD dan Republik Peru mempunyai potensi untuk pertahanan dan penglibatan maritim yang bermakna melalui inisiatif latihan bersama dan pembinaan kapasiti. Manakala perubahan iklim, tegas baginda, masih merupakan cabaran penting bagi kedua-dua rantau, yang dimanifestasikan melalui bencana alam yang lebih hebat.

Untuk itu, baginda mengongsikan bahawa penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN di NBD adalah satu langkah ke hadapan dalam komitmen negara untuk menangani kebimbangan alam sekitar, serta mengalu-alukan sokongan Republik Peru terhadapnya.

Semasa Mesyuarat Dua Hala ini, kedua-dua pemimpin juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama, termasuk APEC, perkembangan di ASEAN termasuk penganugerahan Peru baru-baru ini sebagai Rakan Pembangunan ASEAN dan perkongsian ASEAN-Pacific Alliance. Pada penghujung mesyuarat ini, satu Kenyataan Bersama telah dikeluarkan.

Setelah selesai Mesyuarat Dua Hala, Kebawah DYMM dan Puan Yang Terutama seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi Memorandum of Understanding between the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Republic of Peru on the Establishment of a Mechanism for Bilateral Consultations.

Dokumen tersebut ditandatangani oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM bersama Menteri Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Elmer José Germán Gonzalo Schialer Salcedo yang mewakili pihak Pemerintah Republik Peru.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi Memorandum of Understanding between the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Republic of Peru on the Establishment of a Mechanism for Bilateral Consultations.**

# MAJLIS SAMBUTAN RASMI SEMPENA KEBERANGKATAN NEGARA KE REPUBLIK PERU





**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Palacio de Gobierno (Government Palace) dialu-alukan oleh Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra (atas). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia disembahkenalkan kepada Peruvian Cabinet Officials.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selepas berkenan menghadiri Floral Offering Ceremony meneruskan Keberangkatan Negara Ke Republik Peru dengan berangkat ke Majlis Sambutan Rasmi, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Palacio de Gobierno (Government Palace) dialu-alukan oleh Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya disembah-kenalkan kepada Peruvian Cabinet Officials, diikuti dengan pengenalan ahli-ahli rombongan Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada Puan Yang Terutama Presiden Republik Peru.

Kebawah DYMM kemudian memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Peruvian Armed Forces. Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara kemudiannya dimainkan.

Setelah selesai Majlis Sambutan Rasmi, Kebawah DYMM berkenan mengadakan perjumpaan bersama Presiden Republik Peru, PYT Dina Ercilia Boluarte Zegarra.

Pada perjumpaan ini, baginda bertitah menzahirkan ucapan terima kasih kepada PYT Presiden Republik Peru atas undangan Keberangkatan Negara Ke Republik Peru ini serta sambutan mesra dan layanan sangat baik.

Justeru, baginda amat mengalu-alukan program Keberangkatan Negara tersebut dan percaya bahawa lawatan tersebut dapat memperkayakan lagi persefahaman dan kerjasama.

Pada kesempatan ini, Kebawah DYMM juga menzahirkan penghargaan atas penganugerahan Grand Collar of the Order of the Sun. Akhir sekali, baginda sukacita menjemput PYT ke NBD untuk mengadakan Lawatan Negara.

# Berkenan hadiri Floral Offering Ceremony

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat memulakan Keberangkatan Negara ke Republik Peru dengan menghadiri Floral Offering Ceremony bertempat di Parque del los Proceres de la Independencia (Park of the Heroes of Independence), Lima, Republik Peru, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh President of the Council of Ministers of the Republic of Peru, Tuan Yang Terutama Gustavo Lino Adrianzén.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Floral Offering Ceremony bertempat di Parque del los Proceres de la Independencia (Park of the Heroes of Independence), Lima, Republik Peru.**

Baginda seterusnya berangkat melintasi Barisan Kawalan Kehormatan dan dijunjung ke tugu peringatan bagi Upacara Floral Offering Ceremony.

Park of the Heroes of Independence dirasmikan pada 27 Julai 1971 sebagai sebuah taman khas untuk memperingati wira-wira yang memperjuangkan menuju kemerdekaan Republik Peru.

# KOMITED KUKUHKAN KERJASAMA DUA HALA, TEROKAI BIDANG BAHARU





**Oleh : Kenyataan Bersama Negara Brunei Darussalam dan Republik Peru**

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Peru atas jemputan Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Dina Ercilia Boluarte Zegarra.

Majlis ini menandakan Keberangkatan Negara pertama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke rantau Amerika Latin dan Caribbean.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Sambutan Rasmi dialu-alukan oleh Puan Yang Terutama Presiden Republik Peru yang berlangsung di Palacio de Gobierno (Government Palace) di Lima, Republik Peru.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Majlis Sambutan Rasmi tersebut, kedua-dua pemimpin mengadakan Mesyuarat Dua Hala, di mana para pemimpin telah bertukar-tukar pandangan mengenai kerjasama dua hala dan meneroka bidang-bidang baharu untuk kerjasama yang akan memberi manfaat kepada rakyat.

Para pemimpin juga mengakui bahawa hubungan erat dan mesra antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Peru telah berkembang secara positif sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 1 Jun 1990.

Perkara itu antara yang terkandung dalam Kenyataan Bersama NBD - Republik Peru dalam merapatkan jurang ke arah perkongsian yang berdaya tahan dan berkekalan.

Dengan berpandukan komitmen para pemimpin untuk memperdalam lagi hubungan dua hala dalam bidang perdagangan, pelaburan, tenaga, perubahan iklim, pertukaran rakyat dengan rakyat (*people-to-people*), kerjasama kehakiman dan parlimen serta menangani isu serantau dan global, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meneroka bidang kerjasama mengenai kepentingan bersama, terutamanya mengenai pendidikan, budaya, tenaga, perubahan iklim dan makanan pertanian.

Sehubungan itu, kedua-dua pemimpin mengalu-alukan pemeteraian Memorandum of Understanding on the Establishment of a Mechanism for Bilateral Consultations, yang akan menjadi platform untuk merealisasikan kerjasama ini.

Para pemimpin menggariskan kepentingan memperluaskan hubungan perdagangan dan pelaburan dan berharap untuk meningkatkan perdagangan timbal balik melalui the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP).

Selain itu, para pemimpin menekankan komitmen untuk menggalakkan pelaburan dua hala yang bertanggungjawab, mampan dan inklusif. Ke arah ini, NBD mengalu-alukan Republik Peru untuk melabur dan menggunakan lokasi strategiknya untuk mengembangkan perniagaan ke Asia Tenggara.

Selain itu, dalam rangka kerja perkongsian awam swasta, Republik Peru juga mempelawa NBD untuk melabur dalam Hab Perindustrian dan Teknologi Logistik Multimodal di Pantai Tengah Republik Peru, yang akan dilancarkan selepas perasmian pelabuhan Chancay.

Kedua-dua pemimpin juga menyatakan minat untuk meneroka kerjasama dalam pertanian dan industri makanan pertanian. Sehubungan itu, kedua-dua pemimpin bersetuju mempromosikan dialog dua hala bagi mewujudkan syarat kemasukan produk kedua-dua negara ke pasaran masing-masing.

Kebawah DYMM dan Puan Yang Terutama juga menyatakan minat untuk meneroka kerjasama tenaga antara kedua-dua negara, termasuk perkongsian amalan terbaik.

Kedua-dua pemimpin menekankan akan kebimbangan mengenai kesan negatif perubahan iklim, termasuk peningkatan kejadian bencana alam seperti kebakaran hutan dan banjir. Sehubungan itu, kedua-dua pemimpin mengalu-alukan kerjasama dalam mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim, termasuk melalui the ASEAN Centre for Climate Change.

Dalam Kenyataan Bersama tersebut turut menekankan akan kepentingan dalam menggalakkan pertukaran *people-to-people* di mana ia memainkan peranan penting dalam memupuk rasa hormat - menghormati dan mengukuhkan hubungan antara NBD dan juga Republik Peru.

Dalam hal ini, kedua-dua pemimpin menyatakan minat untuk mewujudkan hubungan pendidikan antara Institusi Pengajian Tinggi di kedua-dua buah negara. Selain itu, kedua-dua pemimpin juga menekankan akan kepentingan menggalakkan kerjasama dalam mempromosikan kerjasama pelancongan bagi mengeratkan lagi hubungan NBD dan Republik Peru.

Seterusnya, kedua - dua pemimpin juga menegaskan semula minat untuk mewujudkan program kerjasama kebudayaan bagi menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang tradisi dan adat resam di antara kedua-dua buah negara.

Manakala dalam bidang Judicial and Parliamentary Cooperation, Kenyataan Bersama turut mengalu-alukan kerjasama dan kesalinghubungan antara Kehakiman NBD dan Republik Peru, berikutan dengan The Memorandum of Understanding on Judicial Cooperation seperti perkongsian amalan terbaik dalam hal ehwal kehakiman dan pertukaran lawatan.

Kedua-dua pemimpin juga menekankan akan peluang kerjasama parlimen antara NBD dan Republik Peru serta mengalu-alukan pengukuhan hubungan antara The Congress of Peru dan The Legislative Council of Brunei Darussalam.

Kemudian dalam Regional and Global Issues, Kenyataan Bersama turut menyatakan rasa puas hati dengan status 'ASEAN Development Partner' yang diberikan kepada Republik Peru pada 29 Januari 2024 di Luang Prabang, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Presiden Republik Peru mengulangi penghargaan Republik Peru atas sokongan NBD ke arah mendapatkan status berkenaan dan kedua-dua pemimpin berharap untuk terus bekerja rapat bagi memastikan perkongsian berkenaan akan menjadi bermakna, *substantive* dan saling menguntungkan.

PYT turut berkongsi cadangan Republik Peru untuk bekerjasama dengan ASEAN dan seterusnya berkongsi amalan terbaik khususnya dalam entiti terkemuka pentadbiran awam Republik Peru seperti badan kawal selia.

Menghargai kejayaan Republik Peru sebagai Pengerusi APEC 2024. Sehubungan itu, Kebawah DYMM merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada PYT yang mana turut menyatakan penghargaan kepada delegasi NBD dalam menyertai pelbagai mesyuarat sepanjang tahun.

Kedua-dua pemimpin juga membincangkan hal-hal serantau dan antarabangsa untuk kepentingan bersama, dan menekankan kepentingan multilateralisme, pematuhan penuh terhadap undang-undang antarabangsa serta menggalakkan perdagangan antarabangsa dan kerjasama South-South.

Selain itu, kedua-dua pemimpin komited untuk mengukuhkan penyelarasan dan sokongan bersama terhadap pencalonan masing-masing dalam pelbagai forum dan organisasi antarabangsa yang disertai kedua-dua buah negara.

Kebawah DYMM berkenan menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan yang mendalam atas penghormatan yang diberikan dengan Anugerah Kebesaran Negara Grand Collar of the Order El Sol del Perú oleh PYT.

Baginda seterusnya berkenan menzahirkan penghargaan atas sambutan mesra dan layanan yang baik diberikan kepada baginda dan delegasi serta menyampaikan jemputan kepada PYT untuk mengadakan lawatan ke NBD.

# Nyalaan lampu biru sempena Hari Diabetes Sedunia 2024

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 14 November. - Sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2024, lampu di jambatan pejalan kaki Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah dinyalakan dengan warna biru.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), penyakit diabetes adalah penyebab kematian yang keempat tertinggi selepas kanser, penyakit jantung dan penyakit cerebrovascular.

Menurut kaji selidik Kebangsaan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2015-2016, prevalens diabetes dalam kalangan orang dewasa di NBD ialah 9.7 peratus.

Menyedari akan ancaman kesihatan global bagi diabetes, Sambutan Hari Diabetes Sedunia disambut di seluruh dunia pada setiap 14 November sebagai satu usaha global dan bersepadu untuk meningkatkan kesedaran tentang diabetes dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menanganinya.

Hari Diabetes Sedunia juga menjadi satu platform bagi mendapatkan komitmen secara kolektif termasuk daripada individu, profesional kesihatan, penggubal dasar dalam pencegahan, diagnosis serta pengurusan diabetes dengan lebih baik.

Pada tahun ini, tema sambutan Hari Diabetes Sedunia ialah 'Diabetes dan Kesejahteraan Semua' yang menekankan pentingnya penjagaan holistik yang meliputi kesihatan mental, aktiviti fizikal, pemakanan, dan sokongan sosial.



**NYALAAN lampu biru sempena Hari Diabetes Sedunia 2024 di jambatan pejalan kaki Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.**

# 12 PESERTA MARA KE PERINGKAT AKHIR MUSABAQAH AL-QURAN

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Suzani Adina Haji Marzuki**

**BERAKAS**, Khamis, 14 November. - Seramai enam qari dan enam qariah diumumkan berjaya melayakkan diri ke Peringkat Akhir Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa pada tahun ini.

Keputusan tersebut diumumkan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit selaku Pengerusi Jemaah Hakim pada Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para peserta musabaqah berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pengerusi-pengerusi Bersama dan ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan KHEU.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Daerah Belait, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pentadbiran, Jabatan Pentadbiran, Awang Haji Mohammad Zulhilmi bin Haji Omar Ali selaku Pengerusi Bersama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Tausyeh oleh Kumpulan Tausyeh Beliawanis Masjid dan Persembahan Membaca Al-Quran oleh wakil peserta yang terpilih ke peringkat akhir.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan merupakan projek tahunan KHEU dan diadakan secara berperingkat-peringkat, iaitu melalui peringkat saringan kebangsaan. Ia merupakan laluan permulaan dan medan untuk para qari dan qariah negara melangkah ke peringkat akhir kebangsaan yang diadakan kemudian.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.**

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula 11, 12 dan 13 November 2024 telah memperdengarkan bacaan daripada 57 peserta, iaitu 46 qari dan 11 qariah.

Penganjuran musabaqah ini dihasratkan dapat memberikan pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara ini dalam meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran mereka, di samping membuka minda dan minat masyarakat berjinak-jinak dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan lebih teratur.

# Pupuk kesalinghubungan budaya NBD, Persekutuan Rusia

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**



**MANGGIS**, Khamis, 14 November. - Kedutaan Persekutuan Rusia di Negara Brunei Darussalam (NBD) menganjurkan sebuah Konsert Khas Muzikal Klasik yang dipersembahkan oleh para pemuzik muda berbakat di negara ini, hari ini.

Acara ini antara lain bertujuan untuk meraikan pertukaran budaya dan mengukuhkan lagi jalinan hubungan antara Persekutuan Rusia dan NBD.

Hadir menyerikan lagi acara berkenaan yang diadakan di Kedutaan Persekutuan Rusia, Kampung Manggis 2 ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Dalam ucapannya, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke NBD, Tuan Yang Terutama Mikhail Vladimirovich Baranov menyatakan bahawa konsert berkenaan bertujuan untuk mempamerkan bahawa walaupun Persekutuan Rusia dan NBD mungkin jauh dari segi geografi, budaya berfungsi sebagai jambatan yang menyatukan rakyat kedua-dua negara dan memupuk rasa komuniti bersama.

Acara ini tambah Tuan Yang Terutama Mikhail Vladimirovich Baranov bukan sekadar persembahan muzikal sahaja, bahkan ia adalah bagi meraikan budaya, kesalinghubungan dan bahasa universal muzik berkenaan.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke NBD semasa hadir pada Konsert Khas Muzikal Klasik dipersembahkan oleh para pemuzik muda berbakat di negara ini (atas dan kiri).**

Konsert Khas Muzikal Klasik tersebut mendapat sambutan baik dan menjadi bukti kuasa muzik dalam memupuk persefahaman dan persahabatan antarabangsa. Antara yang turut hadir, para perwakilan diplomatik asing ke NBD serta pegawai-pegawai daripada agensi kerajaan.

# Keputusan peperiksaan PCKSA dikeluarkan

**Siaran Akhbar : Jabatan Pengajian Islam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis 14 November. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI) selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) telah mengeluarkan keputusan peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Seramai 1,651 calon telah menduduki peperiksaan PCKSA dan daripada jumlah tersebut, seramai 429 orang calon (25.98 peratus) telah lulus dan akan mengikuti pengajian Tahun 5 di sekolah-sekolah Arab yang berkenaan bagi sesi pengambilan tahun 1446H / 2025M berbanding seramai 611 orang (35.11 peratus) lulus pada tahun 2023.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 213 orang (26.93 peratus) adalah calon lelaki dan 216 orang (25.12 peratus) adalah calon perempuan.

Ketua-ketua Guru Ugama Sekolah Rendah Kerajaan / Swasta yang berkenaan hendaklah mengambil keputusan calon bagi sekolah masing-masing pada Khamis, 14 November 2024 bersamaan 12 Jamadilawal 1446H di pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI bertempat di Aras Bawah, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis bermula pukul 9.00 pagi.

Ibu bapa / penjaga calon bolehlah menghubungi pihak sekolah di mana anak mereka bersekolah untuk mengetahui keputusan anak masing-masing.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa / penjaga bagi calon-calon yang lulus dalam peperiksaan ini bolehlah mengambil borang pendaftaran / kemasukan ke sekolah Arab di sekolah-sekolah Arab. Bagi Daerah Brunei dan Muara di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi calon lelaki, dan Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan (bangunan SUAMPRIPAD) bagi calon perempuan.

Sementara itu, bagi calon lelaki dan perempuan, di Daerah Tutong borang pendaftaran / kemasukan ke sekolah Arab boleh diambil di Ma'had Islam Brunei, Tutong; manakala di Daerah Belait boleh diambil di Sekolah Arab Belait; dan di Daerah Temburong pula boleh diambil di Sekolah Arab Temburong.

Borang berkenaan bolehlah diambil bermula Khamis, 14 November 2024 bersamaan 12 Jamadilawal 1446H pada hari bekerja (Isnin hingga Khamis) dari pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Manakala Sabtu dari pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan tarikh akhir mengembalikan borang adalah Sabtu, 23 November 2024 bersamaan 21 Jamadilawal 1446H.

Ibu bapa / penjaga pelajar dari Sekolah Al-Falaah hendaklah mengambil Borang Pendaftaran / Kemasukan Ke Sekolah Arab di Sekolah Al-Falaah Sungai Akar bermula Khamis, 14 November 2024 bersamaan 12 Jamadilawal 1446H dan mengembalikan semula borang tersebut ke Sekolah Al-Falaah Sungai Akar tidak lewat Khamis, 21 November 2024 bersamaan 19 Jamadilawal 1446H.

Bagi calon-calon peperiksaan, ibu bapa / penjaga yang ingin mendaftar untuk mendapatkan keputusan peperiksaan melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), bolehlah berbuat demikian melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON dan hantar ke +673 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar sahaja dengan dikenakan caj bayaran BND1.00 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.

# KEMENTERIAN PERTAHANAN ADAKAN KEMPEN KEBERSIHAN PERSISIRAN PANTAI

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ihsan Kementerian Pertahanan**





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa menyerahkan tong kitar semula kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri (atas kanan). Sementara gambar atas, antara yang menyertai Kempen Kebersihan berkenaan.**

**JERUDONG**,Rabu, 13 November. - Bersempena dengan Sambutan Hari Bumi 2024, Kementerian Pertahanan hari ini telah mengadakan Kempen Kebersihan Senegara Persisiran Pantai yang digelar sebagai Coastal Marvel merangkumi 11 buah pantai di tiga daerah.

Kempen diadakan antara lain bertujuan untuk mendukung inisiatif Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIIK) dalam memastikan Negara Brunei Darussalam (NBD) kekal bersih dan bebas daripada pencemaran sampah.

Pelancaran kempen tersebut telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof di Pantai Jerudong.

Sementara itu, bagi mewakili pelancaran Kempen Kebersihan Pantai-pantai di Daerah Belait ialah Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei yang mana telah diungkayahkan di Pantai Kuala Belait.

Manakala Kempen Kebersihan Pantai-pantai di Daerah Tutong telah dilaksanakan oleh Pemangku Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei di Pantai Seri Kenangan.

Juga hadir menyertai kempen di Pantai Jerudong ialah Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemangku Pemerintah Markas Angkatan Bersama ABDB, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Penghulu Mukim Sengkurong, Ketua Kampung Jerudong, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan Kementerian Pertahanan.

Acara dimulakan dengan bergambar ramai, bacaan Surah Al-Fatihah dan tazkirah ringkas bertajuk, 'Meraih Pahala Dengan Kebersihan'. Seterusnya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dialu-alukan untuk menyaksikan secara langsung melalui *live feed* Kempen Kebersihan yang berlangsung secara serentak di 10 buah pantai yang lain. Sejurus selepas itu, taklimat keselamatan disampaikan, diikuti sesi senaman ringan sebelum Kempen Kebersihan dimulakan.

Semasa kempen tersebut, Yang Berhormat berkesudian untuk menyerahkan tong kitar semula kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri sebagai simbol kepentingan kebersihan dalam memelihara kelestarian alam sekitar dan mengurangkan pencemaran ekosistem marin.

Yang Berhormat juga seterusnya berkesempatan meninjau ke Pantai Meragang dan Pantai Muara. Yang Berhormat turut menyaksikan laporan secara langsung melalui *live feed* jumlah kutipan sampah sarap dari setiap pantai.

Kempen yang mencerminkan komitmen Kementerian Pertahanan melalui pendekatan Whole of Nation dalam bersama mewujudkan kesedaran awam tentang kebersihan persekitaran ini telah melibatkan hampir 2,000 orang dan berhasil mengutip sebanyak 5,946 kilogram sampah sarap.

Pihak-pihak yang berkepentingan turut menyertai kempen ini termasuk Pemangku-pemangku Pegawai Daerah, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Majlis-majlis Perundingan Kampung dari Daerah Tutong dan Belait, penuntut-penuntut Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Muara Maritime Services (MMS) dan juga penduduk setempat.

## Mewujudkan kemajuan kondusif, teratur ke arah pembangunan mampan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2024 Peringkat Kebangsaan bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 14 November. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan bahawa hasil yang dapat dimanfaatkan melalui penyediaan Skim Perancangan bagi kawasan - kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti serta penghasilan Buku-buku Garis Panduan dan Piawaian Perancangan yang digunakan di peringkat kawalan kemajuan bagi kemajuan perumahan, komersial, industri dan sebagainya adalah dihasratkan akan dapat menyumbang dalam mewujudkan persekitaran kemajuan yang kondusif dan teratur bagi menghala tuju kemajuan ke arah pembangunan mampan.

Justeru, jelas Yang Berhormat, pelan-pelan perancangan itu bukan hanya digunakan sebagai dokumen rujukan malahan ia adalah dihasratkan juga bertindak selaku platform dalam menjana kolaborasi antara berbagai pihak sama ada antara agensi kerajaan mahupun swasta dalam memacu bersama kemajuan secara bersepadu.

"Dalam hal ini, saya difahamkan, pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa ada mengadakan beberapa sesi dialog dan perbincangan *focus group* dengan pihak-pihak berkepentingan serta sesi perbincangan di peringkat komiti-komiti di bawah Autoriti Perancang.

"Ini adalah merupakan usaha yang dialu-alukan dan diharapkan akan dapat dilaksanakan secara berterusan bagi memantapkan pendekatan perancangan guna tanah dan kawalan kemajuan yang inklusif," ujar Yang Berhormat semasa Majlis Pelancaran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2024 Peringkat Kebangsaan bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, hari ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, pelan perancangan yang disediakan adalah merupakan *living document* yang perlu sentiasa dikemas kini dan dipantau serta bersifat dinamik bagi memastikan ia sentiasa relevan dan berkeupayaan untuk mengambil kira kontak dan cabaran kemajuan semasa.

Dalam hal ini tambah Yang Berhormat, Jabatan Perancang Bandar dan Desa perlu memantapkan kapasiti dari segi perundangan mahupun strategi dalam membina keupayaan kewangan dalam memastikan program-program kemajuan yang telah dicadangkan di pelan-pelan perancangan tersebut dapat dilaksanakan mengikut garis masa yang telah ditetapkan.

Terdahulu, Yang Berhormat mengongsikan bahawa baru-baru ini, Kementerian Pembangunan telah pun menerbitkan Buku Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2024-2029, salah satu *milestone* Kementerian Pembangunan dalam merangka hala tuju bagi tempoh lima tahun ke hadapan untuk memastikan pembangunan negara terus maju dan berdaya saing.

"Matlamat Strategik Pembangunan Mampan adalah antara beberapa Matlamat Strategik Utama yang telah ditetapkan demi untuk mencapai tiga visi kementerian iaitu : Kehidupan Berkualiti; Pembangunan Mampan dan Negara Makmur," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, melalui penyediaan pelan-pelan perancangan guna tanah di peringkat kebangsaan, daerah dan setempat yang mengandungi dasar, strategi serta program kemajuan, fungsi dan peranan perancangan guna tanah adalah dikira sangat signifikan dalam menerapkan matlamat strategik pembangunan mampan di peringkat tempatan.

Jelas Yang Berhormat lagi, melalui platform komiti-komiti di bawah Autoriti Perancang, perancangan guna tanah bertindak selaku *gate keeper* dalam memastikan pangkalan bekalan tanah (*land bank*) negara dapat dipantau dan dikawal secara strategik untuk pengagihan tanah secara optimum yang dapat memenuhi keperluan tanah dari pelbagai agensi dan keperluan kemajuan.

Dengan tema 'Localizing Sustainable Goals in Land Use Planning and Development Control', pengisian sambutan pada tahun ini adalah memfokuskan kepada Reaching Out Program bagi membarigakan peranan perancangan guna tanah dan kawalan kemajuan dalam menerapkan matlamat pembangunan mampan di peringkat tempatan dalam menghala tuju kemajuan ke arah pembangunan mampan.

Pameran Bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2024 juga akan diadakan selama tiga hari bermula 15 sehingga 17 November di Times Square Shopping Complex, Jaya Setia Berakas.

Bagi menyemarakkan sambutan pada tahun ini, penyalaan lampu pelbagai warna di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien bermula pada malam 7 November sehingga 18 November adalah untuk memanifestasikan kepentingan kemajuan bersepadu dan kolaborasi berbagai pihak.

Warna lampu hijau, merah, kuning, biru dan ungu adalah merupakan kod warna *zoning-zoning* perancangan guna tanah yang terdapat di pelan-pelan perancangan.

# BIBD MEGA KARNIVAL SEDIAKAN PLATFORM PERNIAGAAN TEMPATAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Mega Karnival (atas). Manakala gambar kanan, sekitar karnival tersebut.

**JERUDONG**, Rabu, 13 November. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Mega Karnival anjuran BIBD telah dilancarkan perasmiannya di Dewan BRIDEX, Jerudong di mana karnival ini diadakan selama lima hari bermula hari ini hingga 18 November 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran karnival berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang juga selaku Pengerusi BIBD.

BIBD buat julung kalinya mengadakan acara berskala mega ini bertujuan untuk mencipta impak yang ketara dengan membawa masyarakat bersama-sama mengalami sendiri penganjuran yang besar.

Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa BIBD Mega Karnival melambangkan dedikasi pihak bank untuk memberi kembali kepada masyarakat dan menunjukkan penghargaan atas sokongan pelanggan mereka yang tidak berbelah bahagi.

Pihak BIBD juga berbangga untuk menyediakan platform bagi perniagaan tempatan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka dan memupuk keusahawanan serta setentunya menyokong ekonomi domestik.

"Dengan menggalakkan pelanggan dan orang ramai untuk menyokong vendor tempatan, kami menyasarkan untuk membina ekonomi yang lebih kukuh dan berdaya tahan. Melalui karnival ini, kami berharap dapat membawa kegembiraan dan rasa kebersamaan kepada semua orang, sambil menunjukkan komitmen kami untuk meningkatkan masyarakat.

"Kami percaya bahawa peningkatan aktiviti ekonomi yang dijana oleh karnival ini akan mewujudkan kesan positif, memanfaatkan perniagaan kecil dan menggalakkan perbelanjaan tempatan, akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan dan daya tahan ekonomi domestik," ujar Awang Junaidi lagi.

BIBD juga telah menganjurkan tiga kempen berbeza yang dijalankan secara eksklusif semasa tempoh karnival berlangsung, di mana para pengunjung berpeluang memenangi hadiah secara kolektif bernilai BND300,000 termasuk dua kereta baharu.

Kempen ini termasuk Kempen Apply and Win, yang melibatkan produk BIBD; Kempen Transact and Win, di mana para pelanggan berpeluang untuk menang melalui pelbagai transaksi perbankan digital dan aplikasi produk dan Kempen Spend and Win, di mana pelanggan diberi ganjaran serta-merta untuk transaksi digital mereka dari serendah BND0.10.

Para pengunjung juga boleh mengambil bahagian dengan mengunjungi reruai BIBD dan mendaftar untuk cabutan bertuah semasa acara tersebut. Sebagai acara komuniti terbesar yang pernah dianjurkan oleh BIBD, karnival tersebut menampilkan tawaran yang hebat. Karnival ini menampilkan pelbagai jenis aktiviti, direka untuk menyediakan hiburan untuk keluarga, rakan dan orang ramai dari semua peringkat umur.

Lebih 300 reruai yang menampilkan 100 vendor, menawarkan pelbagai makanan dan minuman, gaya hidup, rumah, perjalanan, tawaran kembali ke sekolah, perkhidmatan perkahwinan, 'Hobbyists', IT Gadgets, Car Dealerships dan banyak lagi.

Pada karnival tersebut juga menampilkan pelbagai aktiviti dalaman dan luaran secara percuma, termasuk Petting Zoo, Cat Adoption Drive, Fitness Challenges, Pertandingan e-Sukan, permainan karnival dan menonton filem tempatan serta filem Melayu klasik secara percuma.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



Sejurus pelancaran, tetamu kehormat juga melawat reruai yang ikut serta termasuk lawatan ke reruai BIBD, di mana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri secara rasmi melancarkan Program Komuniti Digital iaitu merupakan program kerjasama antara BIBD dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Program ini bertujuan untuk mengembangkan literasi digital dan mempromosikan kesedaran keselamatan dalam talian, khususnya untuk kumpulan yang mudah terjejas dalam komuniti.

Sesi Pertama Komuniti Digital akan berlangsung semasa karnival itu diadakan yang menyasarkan ahli jawatankuasa perundingan mukim dan kampung dengan tumpuan kepada keselamatan dalam talian dan pencegahan penipuan.

Pelbagai permainan dan aktiviti interaktif juga disediakan untuk melibatkan orang ramai dalam mempelajari keselamatan siber dan perbankan digital di reruai BIBD semasa karnival tersebut.

Aktiviti direka untuk memberikan maklumat dan juga menyeronokkan, bertujuan untuk mendidik peserta tentang kepentingan kemahiran dalam era digital, meningkatkan kesedaran orang ramai tentang topik seperti penipuan dalam talian dan penggunaan selamat perkhidmatan perbankan digital.

BIBD Mega Karnival adalah perayaan untuk komuniti, bertujuan untuk mencipta pengalaman yang menyeronokkan untuk semua orang di samping memupuk nilai kebersamaan, kesyukuran, dan pemerkasaan komuniti.

Ia juga merupakan platform yang penting bukan sahaja memberi kembali kepada komuniti tetapi juga untuk berhubung dan melibatkan diri dengan pelanggan dan orang ramai dengan cara yang bermakna.

Turut hadir, pengurus kanan dan kakitangan BIBD serta pegawai kanan yang mewakili rakan strategik BIBD Mega Karnival, BEDB, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Mastercard, Imagine, Peak dan Kristal FM. Orang ramai adalah dijemput untuk bersama-sama meraikan dan memanfaatkan acara karnival ini.

# Hari Bakarih Yayasan : Ketengahkan produk hasil usahawan tempatan




Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 15 November. - Seramai 17 orang Usahawan Bakarih Yayasan yang mengusahakan pelbagai perusahaan menyertai aktiviti jualan pada Hari Bakarih Yayasan 2024 (HBY2024) bertempat di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

HBY2024 diadakan bermula hari ini hingga 1 Disember 2024 dan dibukakan kepada kunjungan orang ramai bermula jam 3.00 petang hingga 9.00 malam.

Sehubungan dengan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan HBY2024 berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Hari Bakarih Yayasan 2024 (HBY 2024) bertempat di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.**

HBY2024 merupakan platform perniagaan bagi mengenalkan produk-produk yang dihasilkan oleh para Usahawan Bakarih Yayasan, iaitu para pengusaha yang dilahirkan melalui program bantuan modal perusahaan atau perniagaan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan YSHHB.

Dianjurkan buat kali ketiga, HBY2024 adalah sebagai inisiatif YSHHB bagi menyediakan ruang strategik sebagai sokongan kepada para pengusaha tempatan dalam mengukuhkan portfolio perniagaan mereka dan meluaskan rangkaian pemasaran produk mereka.

Inisiatif berkenaan adalah selaras dengan salah satu Matlamat Strategik (SG) YSHHB, iaitu Mendukung Pencapaian Taraf Sara Diri, dengan membantu meningkatkan tahap sara diri golongan sasar melalui program keusahawanan agar mereka mampu berdikari meningkatkan potensi diri dan mampu meningkatkan taraf kehidupan keluarga.

HBY2024 juga turut disertai oleh agensi-agensi yang merupakan rakan strategik Yayasan, iaitu Keusahawanan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Konsortium Muallafpreneurs, Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) dan BIBD SEED.

Beberapa usahawan yang dilahirkan melalui program-program berkenaan juga turut menyertai aktiviti jualan sepanjang HBY2024 diadakan.

Selain daripada aktiviti jualan, pelbagai aktiviti menarik juga disediakan bagi para pengunjung seperti *fun fair*, memanah, *amazing race*, *face painting*, *henna painting*, Pertandingan Makan, Pertandingan Membuat Mini Lego, Pertandingan Membuat Teh Tarik, Kempen Derma Darah, Peraduan Mewarna dan bermacam-macam lagi.

Sebahagian daripada pendapatan acara *fun fair* berkenaan disumbangkan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA).

Orang ramai dialu-alukan hadir dan datang memeriahkan Hari Bakarih Yayasan bagi menyokong para pengusaha tempatan daripada kalangan golongan sasar Yayasan yang 'Mau Bakarih, Sanggup Bajarih Untuk Balurih'.

PELITA BRUNEI

# BENTUK MASA DEPAN PENERBANGAN BERDAYA TAHAN DI ASIA-PASIFIK

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad




YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap.

>> Muka 1

Berucap pada Perhimpunan Pemimpin-pemimpin Persatuan Syarikat Penerbangan Asia Pasifik Ke-68 (AAPA) di The Empire Brunei, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan, beberapa tahun kebelakangan, selepas COVID-19, merupakan satu tempoh pemulihan semula.

Tahun 2024, tambah Yang Berhormat, telah menyaksikan pertumbuhan yang kukuh dalam perjalanan udara antarabangsa dan kargo di mana jumlah trafik penumpang udara global telah pun mencapai dan melepasi angka sebelum COVID-19 pada tahun 2019.

"Dengan Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) meramalkan jumlah penumpang dunia meningkat sebanyak 3.8 peratus setahun secara purata, dijangka Asia Pasifik akan mencatatkan kenaikan yang paling pesat dalam jumlah penumpang dan menyumbang lebih daripada separuh daripada peningkatan bersih dalam jumlah penumpang global dalam tempoh 20 tahun akan datang.

"Oleh itu, tema yang memfokuskan pada masa depan ini mengajak kita untuk meneroka cabaran dan peluang yang akan datang ketika kita bekerja bersama untuk membentuk masa depan penerbangan yang berdaya tahan di seluruh rantau Asia-Pasifik, termasuk penerimaan teknologi untuk menjadikan perjalanan udara lebih lancar dan bebas masalah. Secara ringkasnya, bagaimana kita dapat melepaskan kuasa transformasi teknologi, kelestarian dan inovasi yang berpusatkan penumpang," ujar Yang Berhormat.

Namun menurut Yang Berhormat lagi, kita juga perlu mempertimbangkan cara untuk mengatasi isu - isu rantaian bekalan semasa yang menjejaskan penghantaran pesawat, enjin, komponen, dan alat ganti yang penting untuk pertumbuhan dan perjalanan yang selamat.

Menyentuh isu kelestarian, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyatakan, industri penerbangan telah menetapkan matlamat yang tinggi, termasuk komitmen untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 dan aspirasi terkini AAPA untuk mencapai penggunaan bahan api penerbangan mampan (SAF) sebanyak lima peratus menjelang 2030.

Yang Berhormat menekankan adalah penting untuk menyedari bahawa syarikat penerbangan mungkin berada pada peringkat yang berbeza dalam perjalanan dekarbonisasi mereka. Ia juga telah diakui bahawa inovasi teknologi dan pengenalan serta ketersediaan bahan api penerbangan mampan secara global akan menjadi elemen penting untuk mencapai cita-cita keseluruhan.

"Oleh itu, dalam usaha untuk mencapai sektor penerbangan yang bebas karbon, kita mesti bersikap pragmatik dan mempertingkatkan kerjasama dalam perkongsian pengetahuan, teknologi, dan sumber daya untuk memupuk semangat kerjasama dan memberikan kejelasan kepada industri," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, telah menghasilkan Pelan Tindakan Negara Brunei Darussalam untuk Pengurangan Pelepasan Penerbangan yang menggariskan strategi dan inisiatif untuk mengurangkan karbon dioksida (CO2) daripada penerbangan antarabangsa, termasuk manfaat tambahan daripada penambahbaikan lapangan terbang.

Inisiatif, tindakan dan peluang kerjasama yang berfokus pada masa depan ini akan menyumbang kepada penambahbaikan kecekapan bahan api dan pengurangan pelepasan CO2 di bawah empat kategori utama, iaitu Langkah Operasi; Teknologi; Langkah Berdasarkan Pasaran; dan Bahan Api Penerbangan Mampan.

Seterusnya, Yang Berhormat melahirkan kepercayaan bahawa perhimpunan berkenaan menawarkan peluang yang sangat berharga untuk bertukar-tukar pandangan, membincangkan strategi yang berkesan dan membina perkongsian yang akan membolehkan pihak-pihak penerbangan memenuhi aspirasi dan cabaran yang ditimbulkan oleh dunia yang berubah dengan pantas.

"Saya yakin bahawa dialog yang diadakan di sini akan membentuk penyelesaian praktikal untuk memastikan kelestarian penerbangan di rantau Asia-Pasifik pada masa hadapan," terang Yang Berhormat.

# Perhimpunan bincang perkembangan landskap industri penerbangan

**JERUDONG**, Rabu, 13 November. - Perhimpunan Pemimpin-pemimpin Persatuan Penerbangan Asia Pasifik (AAPA) Ke-68 yang membawa tema 'Jetting into 2050 - Future-proofing Asian Aviation' menghimpunkan pemimpin dari syarikat-syarikat penerbangan terkemuka di Asia Pasifik untuk membincangkan perkembangan landskap industri penerbangan, dengan fokus kepada pertumbuhan yang lestari dan inovasi untuk memenuhi keperluan generasi akan datang.

Dihoskan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), acara dua hari itu dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamharybin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berlangsung di The Empire Brunei, hari ini.

AAPA terdiri daripada 15 ahli syarikat penerbangan, dengan RB menjadi tuan rumah tahun ini bersama-sama dengan ahli lain seperti Air Astana, Air India, ANA, Bangkok Airways, Cathay Pacific, China Airlines, EVA Air, Garuda Indonesia, Japan Airlines, Malaysia Airlines, Philippine Airlines, Singapore Airlines, Thai Airways, dan Vietnam Airlines.

Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abd. Hamid dalam ucapannya berkata, ketika industri meraikan pemulihan trafik penumpang dan kargo Asia Pasifik secara menyeluruh melebihi tahap tahun 2019, usaha-usaha industri untuk pemulihan sepenuhnya terus menghadapi cabaran melalui kekurangan buruh dan kekangan rantaian bekalan.

Dengan cabaran semasa dan jangka pendek yang dihadapi tambahnya, kita bergantung pada teknologi untuk meningkatkan produktiviti dan pengalaman tetamu. Dengan cabaran yang dihadapi hari ini, keperluan untuk lebih banyak kerjasama dan dialog antara pihak berkepentingan adalah lebih mendesak daripada sebelumnya.

"Melalui AAPA dan dalam skop yang lebih luas, Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA), kita boleh bersama-sama menyuarakan kebimbangan kepada pihak berkuasa yang berkaitan. Mesyuarat EXCO AAPA dan kumpulan kerja yang berkaitan membolehkan kita semua berkongsi pengetahuan untuk menavigasi halangan-halangan ini; untuk itu, adalah suatu penghormatan bagi RB untuk mempengerusikan mesyuarat tahun ini," ujarnya.

Acara turut mendengarkan ucapan perasmian oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Pengarah Agung, AAPA, Subhas Menon serta penyampaian ucaptama oleh Pengarah Serantau, Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa Asia Pasifik, Tao Ma. Perhimpunan diisikan dengan sesi panel perbincangan yang direka khusus untuk memudahkan dialog bermakna mengenai masa depan penerbangan.

Topik utama termasuk kelestarian penerbangan, usaha pengurangan karbon menuju pelepasan sifar pada tahun 2050, transformasi digital, dan peningkatan pengalaman penumpang melalui perkhidmatan yang lancar dan didigitalkan.

Dalam masa yang sama, para pakar industri turut berkongsi visi mereka mengenai cara mengatasi cabaran yang ditimbulkan oleh gangguan rantaian bekalan, perubahan peraturan, dan harapan pengguna yang semakin berkembang.

Sementara itu, Airbus telah mengeluarkan ramalan pasaran serantau terkini, yang meramalkan bahawa sektor penerbangan Asia-Pasifik akan memerlukan 19,500 pesawat baharu dalam tempoh 20 tahun akan datang. Permintaan ini mewakili 46 peratus daripada keperluan global, yang dijangka mencapai sekitar 42,430 pesawat baharu menjelang tahun 2043.

Presiden Airbus Asia-Pasifik, Anand Stanley, membentangkan penemuan tersebut semasa perhimpunan berkenaan dengan menekankan pertumbuhan berterusan dan kepentingan rantau ini dalam pasaran penerbangan global.

Selain daripada sesi formal perhimpunan berkenaan, RB turut menawarkan para delegasi satu pengalaman unik mengenai budaya dan warisan negara ini melalui Program Pasca-Perhimpunan pada 14 November ini.

Program ini termasuk lawatan ke tempat-tempat ikonik di Negara Brunei Darussalam, seperti Kampong Ayer, Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Delegasi juga berpeluang menikmati masakan tempatan dan hospitaliti negara ini, yang memperkukuhkan reputasi negara ini sebagai Abode of Peace.




YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Perhimpunan Pemimpin-pemimpin Persatuan Syarikat Penerbangan Asia Pasifik Ke-68.

# MENEROKA KERJASAMA, DORONG KEJAYAAN PERTUMBUHAN PERNIAGAAN

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama BEDB semasa hadir pada Forum Enterprise Growth Connect (EGC) berlangsung di The Empire Brunei (atas). Sementara gambar bawah kanan, sekitar forum berkenaan.**

**JERUDONG**, Khamis, 14 November. - Dalam dunia keusahawanan yang dinamik hari ini, kerjasama adalah kunci untuk menjadikan idea-idea menjadi realiti.

Sehubungan itu, Forum Enterprise Growth Connect (EGC) yang membawa tema 'Membuka Potensi Melalui Kerjasama (Unlocking Potential Through Collaboration)' menggariskan bagaimana kerjasama dapat meruntuhkan halangan dan menyatukan pelbagai kemahiran dan perspektif untuk merangsang inovasi, mengubah cabaran menjadi peluang dan mengubah idea menjadi pencapaian nyata yang melangkaui apa yang dapat dicapai oleh individu secara sendiri.

Dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), EGC yang diadakan buat kali ketiga ini menyediakan platform untuk meraikan pencapaian syarikat - syarikat dalam inisiatif pertumbuhan BEDB, menggalakkan hubungan dan memberi inspirasi kepada pemimpin perniagaan.

Acara yang berlangsung di The Empire Brunei ini menarik penyertaan kira-kira 380 peserta terdiri daripada para usahawan, pemimpin perniagaan dan profesional dari pelbagai industri yang menawarkan peluang untuk meneroka bagaimana kerjasama dapat mendorong kejayaan dan pertumbuhan perniagaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid yang juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama BEDB.

Dalam ucapannya, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin antara lain menekankan kepentingan memupuk kerjasama antara perniagaan, industri dan sempadan, serta bagaimana ia dapat mengukuhkan daya saing, ketahanan dan mempromosikan kepelbagaian sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Daniel Leong pula menyatakan bahawa dalam persekitaran yang pantas dan kompetitif hari ini, semakin sukar bagi perniagaan untuk berjaya secara sendiri.

Oleh itu, tambahnya, kerjasama sama ada merentasi industri, dengan rakan antarabangsa, atau dalam rangkaian tempatan mampu membuka peluang baharu untuk pertumbuhan.

Di BEDB ujar beliau, mereka komited untuk memupuk perkongsian dan memastikan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dapat mengakses kepada sumber, kepakaran dan pasaran yang mereka perlukan untuk berkembang.

Forum juga mengetengahkan dua penceramah utama luar negara iaitu Pengasas Bersama Sometime by Asian Designers dari Malaysia, Stan Chooi, dan Ketua Pegawai Eksekutif PT Nava Sari Kreasi serta Pengasas Kebab Turki Baba Rafi, Nilamsari.

Dalam ucaptamanya, Stan Chooi berkongsi bagaimana kolaborasi merupakan salah satu strategi perniagaannya yang utama. Beliau menerangkan bagaimana kolaborasi membolehkan syarikatnya memasuki pasaran baharu, menyesuaikan diri dengan permintaan pengguna yang sentiasa berubah dan berkembang daripada platform dalam talian kepada beberapa kedai fizikal.

Sementara itu, Nilamsari dalam ucaptamanya pula menekankan manfaat mengembangkan perniagaan melalui francais dan menekankan bahawa kolaborasi dengan pemegang francais memberikan pandangan berharga tentang keperluan tempatan dan perbezaan budaya, membolehkan perniagaan menyesuaikan diri, berinovasi dan kekal kompetitif dalam pasaran baharu.

Forum ini juga menampilkan usahawan tempatan dalam sesi perbincangan panel yang menarik yang disertai oleh Pengasas OMNI Sports International Sdn. Bhd., Kenneth Han dan Pengasas BruHaHa Comedy Productions, Zainal Bostaman.

Sesi panel yang dikendalikan oleh DJ Radio dan Pengarah Urusan Relentless Entertainment, Amy Cheong, menawarkan pelbagai perspektif industri, membincangkan cabaran perniagaan, strategi dan peluang, menjadikannya sangat relevan dan menarik bagi para hadirin.

Acara diakhiri dengan makan tengah hari rangkaian perniagaan, memberi peluang kepada peserta untuk berhubung, bertukar pandangan dan meneroka potensi kerjasama.

Syarikat-syarikat perusahaan di negara ini yang berpotensi tinggi dan berminat untuk menyertai Program Elevate BEDB boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui laman sesawang *www.dare.gov.bn/elevate*.



# Jelajah Kerjaya 2024 dirasmikan

**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan juga selaku Ahli Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) semasa berucap pada Majlis Perasmian bagi Jelajah Kerjaya 2024.**



Oleh: Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BERAKAS**, Khamis, 14 November. - Majlis Perasmian bagi Jelajah Kerjaya 2024 anjuran Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), Jabatan Perdana Menteri (JPM) petang tadi diadakan di Dewan Munawwarah, Bangunan Setia Point, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan yang juga merupakan Ahli Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP).

Pengarah PPB, JPM, Dayang Hajah Noraini binti Haji Mohd. Jamudin dalam ucapan alu-aluan selaku Pengerusi Majlis mengongsikan bahawa dalam memperkukuhkan lagi usaha kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran di negara ini, PPB mengambil langkah proaktif, inklusif dan dinamik dalam mendekati para pencari kerja tempatan dengan membawakan peluang-peluang pekerjaan berdekatan tempat tinggal mereka melalui 'Jelajah' keempat-empat daerah.

Beliau menambah bahawa seramai 2,137 orang telah berkunjung ke Jelajah Kerjaya yang telah diadakan di tiga daerah iaitu Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong yang mana dari jumlah tersebut seramai 202 orang telah mengikuti sesi temu duga terbuka.

"Jelajah Kerjaya pada tahun ini telah disertai oleh sembilan agensi kerajaan dan 60 buah syarikat swasta dari pelbagai sektor yang menawarkan lebih daripada 1,500 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan termasuk 109 jawatan khusus bagi golongan orang yang berkelainan upaya (OKU)," jelasnya lagi.

Manakala, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim, dalam ucapannya, menyatakan bahawa Jelajah Kerjaya 2024 merupakan pendekatan yang baik dalam menyediakan peluang yang lebih luas kepada para pencari kerja tempatan, serta memudahkan majikan untuk mencari calon-calon pekerja di keempat-empat Daerah.

Beliau juga mengongsikan bahawa acara ini turut menyediakan peluang pekerjaan bagi golongan rentan, sekali gus menawarkan laluan bagi individu yang mungkin menghadapi cabaran dalam mencari pekerjaan.

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim menambah bahawa komitmen terhadap inklusiviti ini bukan saja mengukuhkan tenaga kerja kita tetapi juga memastikan tiada individu yang tercicir daripada peluang-peluang pekerjaan.

Menyentuh mengenai dunia pekerjaan yang berubah dengan pesat seiring dengan perubahan ekonomi global disebabkan oleh teknologi, automasi, dan arus trend global, beliau mengingatkan bahawa kita perlu bersedia dan tangkas menyesuaikan diri dengan terus belajar dan berkembang dengan ilmu pengetahuan serta menguasai kemahiran dalam penggunaan teknologi.

Jelajah Kerjaya ini adalah platform bagi semua untuk mendalami dan meneroka bidang-bidang baharu serta berkongsi pengetahuan bersama pakar-pakar industri. Beliau juga menggalakkan majikan dan pencari kerja tempatan untuk memanfaatkan acara ini dengan berinteraksi antara satu sama lain serta menerokai pameran, terangnya lagi.

Atur cara diakhiri dengan tetamu kehormat berkunjung melawat ke pameran - pameran oleh syarikat-syarikat yang ikut serta.

Jelajah Kerjaya dibukakan bagi kunjungan orang ramai terutamanya para pencari kerja sehingga 17 November 2024 mulai pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali pada Jumaat, akan ditutup pukul 11.30 pagi hingga pukul 2.00 petang di Dewan Munawwarah, Setia Point, Kampung Jaya Setia.




**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyaksikan salah sebuah pameran yang ikut serta (atas). Manakala gambar bawah, sekitar majlis berkenaan.**



# PMKS JADI PUSAT KETAHANAN EKONOMI, PERTUMBUHAN MASA DEPAN




YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa berucap.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 13 November. - Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) adalah tulang belakang ekonomi negara, mewakili 97 peratus daripada perniagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD), menyumbang 5.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negara ini, dan menyediakan lebih daripada 52 peratus pekerjaan di sektor swasta.

Perniagaan berkenaan adalah pusat kepada ketahanan ekonomi dan pertumbuhan masa depan semua.

Perkara berkenaan digariskan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi Anugerah Perniagaan Ke-17 Shell LiveWIRE yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, di ibu negara, petang tadi.

"Ketika kita menghadapi cabaran ekonomi global, PMKS menjadi kunci dalam memacu kepelbagaian dan inovasi, yang merupakan asas kepada pembangunan lestari NBD.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui inisiatif oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) menerusi Darussalam Enterprise (DARe), tetap komited untuk menyokong PMKS.

"Dengan meningkatkan akses kepada pembiayaan, menawarkan program latihan yang disesuaikan, dan membuka pasaran baharu, kami memastikan bahawa para usahawan mempunyai alat untuk berkembang," ujarnya.

Yang Mulia seterusnya menjelaskan, matlamat kolektif adalah untuk mewujudkan persekitaran di mana perniagaan kecil dapat berkembang dan memainkan peranan penting dalam ekonomi negara.

Namun begitu tambahnya lagi, kejayaan tidak datang hanya daripada usaha kerajaan semata-mata.

Yang Mulia Dato seterusnya berkata dengan platform seperti Anugerah Perniagaan LiveWIRE, bersama organisasi seperti Shell LiveWIRE Brunei, BEDB-DARe, dan Brunei Innovation Lab (BIL), yang memberikan bimbingan, panduan, dan sokongan penting kepada para usahawan, kerja keras, semangat inovasi, dan ketekunan daripada para usahawan juga sangat penting untuk mencapai kejayaan.

Semangat kerjasama ini ujar Yang Mulia Dato, adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang memfokuskan kepada pembangunan ekonomi yang berkemahiran dan inovatif.

"Kepada para usahawan yang hadir hari ini, tahniah atas kerja keras dan pencapaian yang diraih.

"Usaha anda bukan sahaja untuk pertumbuhan peribadi tetapi ia juga penting untuk masa depan ekonomi NBD.

"Ketika kita berusaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada industri tradisional kita, peranan anda dalam memacu inovasi dan pertumbuhan adalah lebih penting daripada sebelumnya," ujar Yang Mulia Dato lagi.

## Pemenang Anugerah Perniagaan Ke-17 Shell LiveWIRE diumumkan





YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi Anugerah Perniagaan Ke-17 Shell LiveWIRE yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni (atas). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 13 November. - Shell LiveWIRE Brunei mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi Anugerah Perniagaan Ke-17 Shell LiveWIRE yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, di ibu negara, petang tadi.

Acara berkenaan mempamerkan usaha dan perkembangan sebanyak 21 kumpulan yang mana anugerah tahun ini dibuka secara eksklusif kepada alumni pertandingan sebelum ini, menawarkan peluang unik kepada peserta untuk menilai kemajuan mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Ketua Darat West Development di Brunei Shell Petroleum dan Pengerusi Shell LiveWIRE Brunei, Awang Mohammad Erwan bin Haji Mohammad Said dalam ucapan alu-aluannya menekankan sumbangan anugerah berkenaan adalah untuk visi Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Wawasan Brunei 2035.

"Lebih daripada mengiktiraf pencapaian individu, Anugerah Perniagaan LiveWIRE memainkan peranan penting dalam menyokong Wawasan Brunei 2035 dengan memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan, pembezaan, dan penciptaan peluang pekerjaan," katanya.

Anugerah tahun ini jelasnya, mencerminkan perkembangan dalam komitmen Shell LiveWIRE Brunei terhadap usahawan, dengan fokus memberi sumber dan sokongan yang disesuaikan untuk pertumbuhan alumni mereka.

"Melalui bimbingan, akses kepada sumber, hubungan dengan pihak berkepentingan utama, dan pembelajaran antara rakan sebaya, kami membantu perniagaan maju," tambahnya lagi.

Dengan sokongan daripada Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) ujarnya, sebuah klinik teknologi telah diperkenalkan untuk meningkatkan inovasi dan kesediaan pasaran peserta.

Menurutnya, kepentingan Anugerah Perniagaan LiveWIRE adalah dalam memupuk inovasi dan ketahanan dalam landskap keusahawanan NBD.

Tahun ini, sejumlah BND24,000 dalam bentuk hadiah telah dianugerahkan merentasi pelbagai kategori, termasuk Perniagaan Paling Cemerlang, Perniagaan Paling Berpotensi, dan Perniagaan Paling Progresif.

Program Anugerah Perniagaan Shell LiveWIRE yang ke-17 telah dimulakan pada Julai tahun ini.

Sepanjang pertandingan, pasukan - pasukan menjalani beberapa pemeriksaan, yang memantau perkembangan, daya tarikan pasaran, dan pendapatan mereka dengan teliti.

Selain daripada penilaian yang ketat, peserta juga menerima sesi bimbingan untuk membantu mengembangkan perniagaan mereka dengan lebih lanjut.

Sebagai sebahagian daripada proses berkenaan, setiap pasukan mengemukakan Rancangan Penambahbaikan Perniagaan yang komprehensif, mencerminkan kemajuan mereka dan merangka strategi masa depan berdasarkan maklum balas daripada pemeriksaan berkenaan.

"Format tahun ini direka untuk membantu alumni kami membina pengalaman mereka dan meneruskan dengan fokus yang baharu," kata Ketua Rangkaian Perniagaan dan Projek di Shell LiveWIRE Brunei, Dayang Aziemah binti Daud.

Menurutnya, mereka komited untuk menyokong dan menghargai dedikasi serta kerja keras para peserta, dengan menawarkan alat dan panduan yang diperlukan untuk meneruskan perjalanan mereka ke arah kejayaan.

Pada majlis berkenaan, penyampaian hadiah - hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Anugerah Most Promising Business memenangi BND7,000 dan diberikan kepada TeamOne Environmental Technologies, iaitu sebuah syarikat yang memberi fokus kepada pengurusan sisa dan perkhidmatan logistik yang canggih.

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun secara keseluruhan, syarikat berkenaan bertujuan untuk membantu perniagaan, terutamanya dalam sektor minyak dan gas, mengurangkan impak alam sekitar mereka dan meningkatkan kecekapan operasi.

Syarikat berkenaan menawarkan pelbagai perkhidmatan, termasuk pengurusan sisa berbahaya dan tidak berbahaya serta penyelesaian rawatan sisa yang inovatif, sambil mengutamakan kesihatan, keselamatan, dan perlindungan alam sekitar.

Manakala, Anugerah Most Progressive Business memenangi BND7,000 dan diraih oleh Bravo Sports Network (BSN), iaitu perkhidmatan utama Bravo Studios, menyampaikan penyiaran sukan secara langsung, pengeluaran video, dan platform OTT, memenuhi keperluan penonton tempatan dan serantau.

Selain daripada perkhidmatan berkenaan, BSN juga menawarkan penyelesaian media termasuk fotografi, animasi, penyewaan peralatan, dan latihan media.

Bravo Studios bertujuan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk liputan sukan yang mudah diakses, menyokong peminat sukan dan penganjur acara, dengan matlamat untuk menjadi pemain utama dalam industri media NBD.

Sementara, Anugerah Most Outstanding Business memenangi BND10,000 dan dimenangi oleh Fatih Aquaculture yang ditubuhkan pada 2020, bermula sebagai ladang belakang dan telah berkembang pesat dengan lebih daripada 350 sangkar laut di dua kawasan ladang.

Mengkhusus dalam Tilapia Merah, Seabass Asia, dan Barahan, misi syarikat adalah untuk menghasilkan pelbagai jenis ikan segar, meningkatkan kelestarian makanan, dan mengurangkan import ikan di NBD.

Visi mereka adalah untuk mencipta perniagaan akuakultur yang bersepadu secara menegak, memenuhi kehendak peminat ikan individu dan pesanan Peniagaan - ke - Peniagaan (B2B) dalam jumlah besar.



KETUA Darat West Development di Brunei Shell Petroleum dan Pengerusi Shell LiveWIRE Brunei, Awang Mohammad Erwan bin Haji Mohammad Said semasa berucap.

# TAYANGAN FILEM SEMPENA MERAIKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK NBD, PERSEKUTUAN JERMAN

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



**SALAMBIGAR**, Jumaat, 15 November. - Kedutaan Republik Persekutuan Jerman di Negara Brunei Darussalam (NBD) lewat petang tadi mengalu-alukan para tetamu jemputan khas bagi menyaksikan tayangan istimewa filem 'Worm and the Widow' hasil karya Pengarah Filem tempatan, sebagai penganjuran acara terakhir Kedutaan Republik Persekutuan Jerman dalam meraikan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik Persekutuan Jerman dan NBD.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Puan Yang Terutama Gerda Winkler dalam ucapannya menzahirkan rasa teruja mengetahui untuk pertama kalinya dalam sejarah, Pengarah Filem tempatan NBD, Awang Abdul Zainidi telah diundang bagi menghadiri Festival Filem Berlin yang berprestij, iaitu Berlinale.

Menurut Puan Yang Terutama, Awang Abdul Zainidi menyertai dalam segmen Berlinale Talents dan filem beliau 'Worm and the Widow' telah melayakkan beliau untuk menerima undangan bagi menghadiri festival berkenaan.

Terdahulu, PYT juga menyatakan, tayangan filem berkenaan merupakan acara terakhir daripada beberapa siri penganjuran acara sempena meraikan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik Dua Hala Persekutuan Jerman dan NBD.

Kedutaan berkenaan sebelum ini telah mengalu-alukan kunjungan daripada Kumpulan Persahabatan ASEAN dari Parlimen Jerman (ASEAN Friendship Group of the German Parliament) pada Mac lalu.

Kumpulan Parlimen Jerman berkenaan telah mengadakan lawatan ke Daerah Tutong, iaitu di Homestay Alai Gayoh Anak Pulau di Kampung Bukit Udal, dan mereka dialu-alukan oleh masyarakat Dusun, yang juga merupakan tempat yang sama Awang Abdul Zainidi menjalani beberapa babak penggambaran dalam filem berkenaan.

Dalam filem berkenaan, Awang Abdul Zainidi membuat penggambaran dengan menggunakan Dialek Tutong dan juga bekerjasama dengan orang-orang cacat pendengaran.

Antara jemputan khas yang hadir pada tayangan filem berlangsung di One Cineplex, Pusat Beli Belah One City berkenaan ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak; Pemangku Penolong Pengarah, Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Dayang Syifa Syaheerah binti Abu Hanifah; Yang Di-Pertua Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan (OKP), Pengiran Haji Norhalim bin Pengiran Haji Abdul Rahman; dan masyarakat Dusun dari Daerah Tutong.



**DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam ketika berucap.**



**SEKITAR tayangan istimewa filem 'Worm and the Widow' di One Cineplex, Pusat Beli Belah One City (atas dan kanan).**

# Pendaftaran SMS untuk keputusan PSR 2024 dibukakan

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 14 November. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Tahun 2024.

Ibu bapa atau penjaga dan pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan ini boleh membuat pendaftaran melalui SMS dengan memasukkan teks berikut MOE<jarak>REG<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON] dan dihantar ke +673 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. dan 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Tiada bayaran akan dikenakan sewaktu pendaftaran melalui telefon bimbit. Ibu bapa atau penjaga dan pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan ini mulai pada Sabtu, 16 November 2024.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut. Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan ini akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai, terutama sekali para ibu bapa atau penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau ingin menghadapkan sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui nombor +673 8671355 atau e-mel ke *moeresults@machbrunei.com*.

# Waspada mengenai penyamaran pegawai bank, polis

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 14 November. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin mengeluarkan amaran dan makluman penting kepada orang awam mengenai beberapa kes penipuan yang melibatkan penyamaran sebagai pegawai bank dan polis.

Modus operandi penjenayah bermula dengan panggilan telefon yang mendakwa terdapat transaksi mencurigakan dalam akaun bank mangsa. Panggilan ini kemudiannya 'dipindahkan' kepada individu yang mengaku sebagai pegawai polis, yang seterusnya meminta maklumat peribadi mangsa, termasuk butiran perbelanjaan dan penggunaan kad.

Penjenayah kemudiannya akan menakut-nakutkan mangsa dengan dakwaan penglibatan dalam kegiatan jenayah dan nama mangsa tersenarai dalam waran tangkap. Mangsa diarahkan untuk tidak memberitahu sesiapa mengenai perkara ini dan diminta untuk berkomunikasi melalui aplikasi Telegram.

BSJS menasihati orang ramai untuk tidak sekali-kali mengongsikan maklumat peribadi, gambar, atau butiran akaun bank dengan sesiapa melalui telefon atau aplikasi sosial media kepada orang yang tidak dikenali. Sekiranya menerima panggilan mencurigakan yang menggunakan taktik sebegini, laporkan segera kepada balai polis yang berhampiran.

Orang ramai juga diingatkan untuk sentiasa berwaspada dan melindungi maklumat peribadi mereka. PPDB komited dalam usaha membanteras penipuan ini, termasuk Skim Phishing Scam dan 'Macau Scam'.

Kerjasama orang ramai amat dihargai dalam meningkatkan kesedaran mengenai taktik penipuan ini dalam kalangan keluarga dan rakan-rakan. Kesedaran dan kewaspadaan bersama adalah kunci untuk mencegah jenayah sebegini daripada terus berleluasa.



PELITA BRUNEI

# PLATFORM BINCANG PERKEMBANGAN PENDIDIKAN, TEROKAI BIDANG BAHARU

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 15 November. - Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, mempengerusikan bersama Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama Kali Ke-14 antara Kementerian Pendidikan NBD dan Kementerian Pendidikan Republik Singapura, bersama Setiausaha Tetap (Pendidikan), Kementerian Pendidikan Republik Singapura, Puan Yang Terutama Lim Wan Yong, yang diadakan di Hotel Radisson pada 14 November 2024.

Kementerian Pendidikan, NBD, menganjurkan Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama Kali Ke-14, yang merupakan acara tahunan yang berfungsi sebagai platform bagi Kementerian Pendidikan, NBD dan Kementerian Pendidikan Republik Singapura untuk membincangkan perkembangan pendidikan utama, menilai kerjasama yang berterusan serta meneroka bidang baharu untuk perkongsian masa depan dalam pendidikan.

Tahun ini, kedua-dua kementerian mengemas kini maklumat mengenai penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak serta program penempatan dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional.

Selain itu, NBD mengongsikan mengenai perkembangan beberapa kolaborasi di bidang pendidikan seperti Program Penyerapan dan Kembar Sekolah, manakala pihak Singapura menyampaikan mengenai inisiatif berterusan pihak Kementerian Pendidikan Singapura.

Kerjasama masa depan turut dibincangkan semasa mesyuarat berkenaan termasuk meningkatkan pertukaran bagi tenaga pengajar dan pelajar, serta pengintegrasian STEAM (Science, Technology, Engineering, Art, Mathematics) di dalam kurikulum sebagai cadangan bidang selanjutnya.

Pihak Kementerian Pendidikan NBD berpeluang untuk membawa rombongan Kementerian Pendidikan Republik Singapura mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong, bagi meninjau dengan lebih dekat mengenai pelaksanaan penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak dan pengintegrasian STEAM. Rombongan berkenaan juga turut berpeluang menikmati lawatan kebudayaan di Temburong.

Turut hadir dalam mesyuarat berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan NBD, Dr. Chin Wei Keh; dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan NBD.





**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama Setiausaha Tetap (Pendidikan), Kementerian Pendidikan Republik Singapura, Puan Yang Terutama Lim Wan Yong semasa bergambar ramai pada Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama Kali Ke-14 antara Kementerian Pendidikan NBD dan Kementerian Pendidikan Republik Singapura (atas). Manakala gambar kanan, Puan Yang Terutama Lim Wan Yong semasa mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong.**

# Dorongan peralihan ke arah Bahan Api Penerbangan Lestari

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**JERUDONG**, Rabu, 13 November. - Pemimpin-pemimpin Persatuan Penerbangan Asia Pasifik (AAPA) Ke-68 berkumpul di Negara Brunei Darussalam bagi membincangkan masa depan penerbangan di bawah tema 'Jetting into 2050 : Future Proofing Asian Aviation'.

Pemimpin syarikat penerbangan berkenaan optimis, kerana perjalanan udara serantau dan pertumbuhan kargo berterusan untuk mengatasi pertumbuhan industri global, manakala faktor beban kekal kukuh.

Mencerminkan keutamaan kolektif dan keazaman bersama para pemimpin syarikat penerbangan Asia, perhimpunan pemimpin hari ini meluluskan satu siri resolusi yang meliputi kemampanan, keselamatan penerbangan dan penyelarasan peraturan.

"Syarikat penerbangan komited teguh untuk mengurangkan jejak karbon mereka dan dengan cuaca yang semakin meningkat, pemimpin syarikat penerbangan hanya terlalu menyedari risiko kepada keselamatan penerbangan daripada perubahan iklim.

"Dengan bekalan Bahan Api Penerbangan Lestari (SAF) yang kurang, AAPA percaya bahawa strategi pelbagai sejajar dengan pelan hala tuju pengurangan pelepasan sifar bersih ICAO, adalah kritikal untuk memenuhi sasaran pelepasan sifar bersih industri," jelas Pengarah Agung, AAPA, Subhas Menon pada Sidang Media AAPA Ke-68 di Indera Samudera, Syndicate 3, The Empire Brunei.

Justeru itu jelasnya, perhimpunan meluluskan resolusi menyeru kerajaan, pembekal, navigasi udara pembekal perkhidmatan dan syarikat penerbangan untuk menggunakan semua aspek pelan hala tuju ICAO, iaitu SAF, teknologi terobosan, *offset* CORSIA dan kecekapan operasi, dalam mengejar jaringan sifar pelepasan menjelang matlamat 2050.

Tambahnya, SAF dihasilkan dengan memproses bersama bahan mentah mampan bersama-sama dengan minyak mentah bahan api fosil di kilang penapisan bahan api penerbangan konvensional, adalah cara kos efektif untuk merangsang SAF bekalan.

Subhas Menon seterusnya berkata, syarikat penerbangan dan pembekal bahan api boleh memberi dorongan peralihan kepada SAF bersama dengan SAF yang diproses disediakan di lapangan terbang dengan segera.

"Setiap pesawat dan enjin generasi baharu memberikan 15 hingga 20 peratus lebih kecekapan bahan api. Pecutan rancangan untuk pesawat mesra karbon dan sistem pendorongan adalah berkesan ke matlamat laluan bersama pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, bermula dengan jarak pendek pesawat yang pada masa ini menyumbang kira-kira 28 peratus daripada pelepasan industri.

"Dengan kelewatan dalam penghantaran pesawat generasi baharu, syarikat penerbangan memperluaskan penggunaan peralatan lama. Strategi yang mengutamakan teknologi di samping SAF, adalah laluan yang lebih pasti kepada neutraliti karbon, daripada seorang yang terlalu bergantung pada SAF," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya berkata keselamatan penerbangan kekal menjadi keutamaan nombor satu semua syarikat penerbangan.

Perhimpunan ini ujarnya, menerima pakai resolusi menyeru pihak berkuasa penerbangan awam, agensi keselamatan penerbangan dan syarikat penerbangan untuk bekerja rapat bersama dalam berkongsi amalan terbaik melalui analisis data, untuk mengurangkan risiko seperti kehilangan kawalan dalam penerbangan.



**SIDANG Media Pemimpin-pemimpin Persatuan Penerbangan Asia Pasifik (AAPA) Ke-68 yang berlangsung di Indera Samudera, Syndicate 3, The Empire Brunei.**

Resolusi berkenaan juga tambahnya, menyeru semua pihak berkepentingan untuk menyokong penggunaan langkah keselamatan yang menangani kategori risiko paling kritikal yang dikenal pasti dalam rantau Asia Pasifik.

"Perhimpunan mengalu-alukan keputusan dan cadangan tinjauan budaya keselamatan dijalankan oleh Yayasan Keselamatan Penerbangan, kerana keselamatan penerbangan adalah tentang mempromosi budaya keselamatan proaktif, memanfaatkan data dan berkongsi amalan terbaik untuk menambah baik persembahan.

"Perhimpunan pemimpin mengakui bahawa gangguan rantaian bekalan dan ruang udara ditutup, membawa kepada lebih banyak lencongan, kelewatan dan pembatalan penerbangan, manakala juga menghalang pertumbuhan masa depan.

"Isu sedemikian, termasuk kegagalan komponen dan kekurangan buruh telah menjejaskan kebolehpercayaan jadual. Konflik seperti perang Rusia-Ukraine dan dalam Timur Tengah telah mengakibatkan penutupan ruang udara, memburukkan lagi keadaan," jelasnya.

Menurutnya lagi, sesetengah kerajaan hanya menyasarkan gejala kegagalan, sambil membebankan syarikat penerbangan dengan lebih kos dan kerumitan. Resolusi ketiga yang telah diluluskan menyeru kerajaan untuk mengelak daripada memperkenalkan *unilateral* langkah-langkah yang secara tidak seimbang akan menyusahkan orang ramai dalam perjalanan dan meningkat beban kos ke atas industri penerbangan, sambil mencapai faedah yang terhad.

Di sana tambahnya lagi, perlu menjadi pengiktirafan yang lebih besar terhadap nilai penerbangan kepada ekonomi global, dan lebih dekat kerjasama antara kerajaan, industri dan penyedia perkhidmatan, untuk menyelaraskan protokol untuk perjalanan antarabangsa.

Subhas Menon seterusnya menyimpulkan bahawa tinjauan untuk syarikat penerbangan di rantau berkenaan secara umumnya positif, memandangkan permintaan yang berterusan untuk perjalanan udara dan lantunan yang kukuh dalam aktiviti perdagangan.

Tambahnya, ia adalah sesuatu pemulihan yang luar biasa pada metrik utama, memandangkan pengangkutan udara darat hampir selesai terhenti selama dua tahun semasa pandemik COVID-19 pada 2020.

"Ini juga tepat pada masanya membuktikan ketahanan dan umur panjang industri semasa mereka memperingati hari ke-80 ulang tahun Konvensyen ICAO Chicago pada 2024.

"Dengan memastikan orang ramai yang mengembara dan ekonomi sebagai teras strategi mereka, industri berada pada kedudukan yang baik untuk ditangani cabaran yang akan datang dan mengejar pertumbuhan yang mampan pada tahun-tahun akan datang," ujarnya lagi.

# USAHA BERTERUSAN BENDUNG GEJALA BULI DI SEKOLAH

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan semasa bergambar ramai bersama para pemenang pertandingan Pertandingan Video Pendek sempena Program Minggu B.E.S.T.**

**MUKIM SENGKURONG**, Khamis, 14 November. - Kementerian Pendidikan pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Program Minggu B.E.S.T (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) Kementerian Pendidikan bagi Tahun 2024 bertempat di Multimedia Theatre, Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong.

Program Minggu B.E.S.T adalah inisiatif berterusan Kementerian Pendidikan dalam usaha membendung dan mencegah gejala buli terutamanya buli siber agar tidak berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah.

Buli siber merupakan satu bentuk buli yang berlaku melalui platform digital seperti media sosial, aplikasi pemesejan dan laman sesawang.

Buli siber boleh memberi kesan mendalam terhadap mangsa, termasuk tekanan emosi, gangguan mental dan dalam kes yang lebih serius ia boleh menyebabkan kemurungan.

Program ini dianjurkan bersempena Hari Antarabangsa Menentang Keganasan dan Buli di Sekolah Termasuk Buli Siber yang ditetapkan oleh pihak UNESCO (International Day Against Violence and Bullying at School Including Cyberbullying) yang jatuh pada setiap Khamis pertama dalam bulan November setiap tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan selaku Pengerusi Bersama Program B.E.S.T, Dr. Hajah Dayang Nor Zaiham Midawati binti Haji Abdullah dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh para pelajar sekolah sepanjang Program Minggu B.E.S.T diadakan termasuk pertandingan mewarna serta kuiz bagi peringkat sekolah rendah, dan rekaan infografik bagi sekolah menengah dan PTE.

Majlis diteruskan dengan tayangan video bagi setiap pemenang Kategori Pertandingan Video Pendek sempena Program Minggu B.E.S.T, yang diselaraskan dengan tema program tahun ini iaitu 'Kesedaran Mengenai Buli Siber'.

Kemuncak majlis ialah pengumuman dan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan Pertandingan Video Pendek sempena Program Minggu B.E.S.T yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Pertandingan tersebut dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan PTE.

Bagi Kategori Sekolah Rendah, hadiah disampaikan kepada Sekolah Rendah Rataie, Sekolah Rendah Benutan dan Sekolah Rendah Rimba 2.

Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Sekolah Menengah Awang Semaun dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan masing-masing memenangi hadiah bagi Kategori Sekolah Menengah.

Manakala, pemenang bagi Kategori PTE ialah PTE Tutong, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan PTE Sengkurong.

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah kepada para pemenang Aktiviti Terbaik Sekolah Menengah dan Maktab dari setiap kluster.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan, pemimpin-pemimpin sekolah dan pelajar-pelajar.

# Program SBDRM bentuk kesiapsiagaan hadapi bencana

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Program Pengurusan Risiko Bencana Peringkat Sekolah.**

**TUTONG**, Khamis, 14 November. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) secara berterusan telah mengadakan Program Pengurusan Risiko Bencana Peringkat Sekolah (SBDRM) dengan kerjasama pihak Jabatan Sekolah - Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Program tersebut diadakan selama tiga hari bermula 12 hingga 14 November 2024 bertempat di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SMSB), di sini.

Seramai 50 penuntut dan guru telah mengikuti Program SBDRM ini yang terdiri daripada penuntut-penuntut dan guru-guru dari SMSB, Sekolah Menengah Muda Hashim, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Sekolah Menengah Sayyidina Othman dan Pusat Tingkatan Enam Tutong di Daerah Tutong.

Di sepanjang program tersebut, para penuntut dan guru berpeluang untuk mengetahui mengenai fungsi dan peranan NDMC di samping meningkatkan pengetahuan dan kesiapsiagaan mereka dalam mengenal pasti risiko serta membuat tindakan yang betul agar sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi sebarang kejadian bencana.

Selain itu, para pelajar juga berpeluang mengikuti latihan berkumpulan seperti Aktiviti Do's and Dont's sebelum, semasa dan selepas kejadian bencana, Nature Power, Penyediaan Grab Bag, Hazard Visit dan membentuk pelan tindakan dalam kesiapsiagaan warga sekolah bagi menghadapi bencana di peringkat sekolah.

Hadir selaku tetamu khas bagi Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon.

Pada majlis itu, tetamu khas juga turut menyampaikan sijil penyertaan dan penghargaan kepada para penuntut dan fasilitator yang terlibat dalam melaksanakan Program SBDRM pada tahun ini.

Turut hadir, Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Pengetua SMSB serta para pegawai dan kakitangan NDMC dan warga sekolah.

NDMC akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan dalam menangani kejadian bencana di negara ini. Program SBDRM telah dilaksanakan bagi mencapai hasrat ke arah membina masyarakat yang berdaya tahan dalam menghadapi apa jua cabaran bencana yang berkemungkinan berlaku.

Dengan pengetahuan dan pengalaman yang telah diperoleh semasa Program SBDRM ini, ia diharapkan akan dapat dijadikan sebagai panduan bagi mengurangkan impak bencana kepada warga sekolah di negara ini.

# Simposium Kaunseling Antarabangsa 2024 labuh tirai

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, juga selaku Penghulu Mukim Lumapas Zon 4, Daerah Brunei dan Muara semasa hadir menyertai Simposium Kaunseling Antarabangsa 2024.**

**RIMBA**, Khamis, 14 November. - Simposium Kaunseling Antarabangsa 2024 yang bertemakan 'Daripada Kesedaran Kepada Tindakan : Memobilisasikan Kemahiran Kaunseling di Peringkat Akar Umbi Dalam Menangani Cabaran Kesihatan Mental' melabuh tirainya petang tadi dengan Majlis Pembentangan Resolusi bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Simposium Antarabangsa 2024 anjuran Persatuan Kaunseling Brunei Darussalam (PERKAB) yang diadakan selama tiga hari bermula 12 - 14 November itu diisi dengan beberapa sesi perbincangan panel, pembentangan dan bengkel, serta sesi plenari mengenai peranan akar umbi dalam menangani cabaran kesihatan mental.

Antara yang menyertai simposium tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin juga selaku Penghulu Mukim Lumapas Zon 4, Daerah Brunei dan Muara.

Simposium Kaunseling PERKAB 2024 ini dianjurkan bertujuan untuk menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menangani cabaran kesihatan mental di peringkat kebangsaan dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi melengkapkan pemimpin akar umbi dengan kemahiran kaunseling yang diperlukan untuk memainkan peranan terapeutik dalam masyarakat seterusnya menangani isu berkaitan kesihatan mental di peringkat bawah lagi.

Di samping itu, simposium ini juga di hasrat akan menjadi platform bagi perkongsian ilmu, pengembangan kemahiran dan kerjasama, serta menyumbang kepada usaha negara dalam menangani cabaran kesihatan mental, dan seterusnya melipatgandakan impak terhadap sebarang inisiatif menangani isu kesihatan mental dalam pelbagai lapisan masyarakat.

Simposium menyasarkan para pemimpin akar umbi daripada pelbagai sektor termasuklah Penghulu, Ketua Kampung, dan MPMK; Imam, Guru Agama dan Belia Masjid; Guru, Kaunselor dan PIBG; Pemimpin Belia dan Wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan; Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Berkaitan; serta Syarikat Swasta dan Government Link Companies, di mana pemilihan peserta akan mengambil kira sejauh mana pengaruh, potensi, dan keupayaan mereka menerapkan kemahiran kaunseling dalam komuniti mereka bagi mendapatkan impak atau manfaat seperti yang diharapkan.



**SEKITAR simposium berkenaan.**

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA 10 TAHUN MSSBRPAD





**SUASANA sekitar Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah serta Penyampaian Sijil Penghargaan dan Cenderamata sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis / Madang (atas dan kanan).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**MADANG**, Jumaat, 15 November. – Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis / Madang mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah serta Penyampaian Sijil Penghargaan dan Cenderamata sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10 MSSBRPAD, yang berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, selaku Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD, Kampung Manggis / Madang.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Arwah khusus bagi Pemegang Amanah MSSBRPAD yang telah Kembali ke rahmatullah, dikepalai oleh pelapis Bilal, MSSBRPAD, Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd. Rajid.

Majlis diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada para penyumbang yang telah memberikan perkhidmatan sempena Sambutan 10 Tahun Penubuhan MSSBRPAD, disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili.

Manakala penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata bagi Jawatankuasa Pandu Sambutan Ulang Tahun Ke-10 MSSBRPAD dan Jawatankuasa Hiasan Dalam pula disempurnakan oleh Penasihat Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dipimpin oleh Bilal MSSBRPAD, Awang Razman bin Haji Ramlee.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh; Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, pegawai-pegawai kanan, serta Ahli-ahli Jawatankuasa MSSBRPAD.

## HALUAN

>> Muka 2

Melangkah ke hadapan, usaha untuk berinovasi dan menyesuaikan diri mesti diteruskan agar kita dapat mengatasi kebimbangan ini. Teknologi AI dan Pembelajaran Mesin mempunyai potensi untuk merevolusikan pendidikan dengan menyediakan maklum balas masa nyata, mengautomasikan tugas pentadbiran dan menawarkan pengalaman pembelajaran secara peribadi. Teknologi imersif ini akan dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang menarik dan interaktif, menjadikan konsep yang kompleks lebih mudah difahami dan diingati. Perkembangan seperti Kecerdasan Buatan (AI) dan Pembelajaran Mesin serta Realiti Maya dan Realiti Tertambah mungkin menarik, namun perlu ada pertimbangan tentang bagaimana teknologi ini akan benar-benar menangani kebimbangan yang dinyatakan.

Saya amat berharap bahawa Mesyuarat GBM SEAMEO INNOTECH Ke-68 ini akan menjadi platform yang berharga untuk awda memperluas sempadan inovasi dan teknologi, dalam memajukan strategi praktikal dan melaksanakannya. Memperkasakan pendidikan melalui inovasi digital bukan hanya tentang menerima pakai teknologi baharu, tetapi juga mengenai mempraktikkan semula cara kita mengajar dan belajar. Dengan mengamalkan strategi baharu, menangani cabaran dan meneroka arah masa depan, kita dapat mencipta sistem pendidikan yang lebih saksama, menarik dan berkesan. Pandangan dan perbincangan yang dilakukan sepanjang dua hari ini akan memainkan peranan penting, dalam membimbing usaha kolektif kita ke arah membina sistem pendidikan yang lebih berdaya tahan dan inklusif di seluruh rantau SEAMEO.

Saya yakin dengan kepimpinan dinamik Pengarah Pusat SEAMEO INNOTECH, Dr. Briones dan Emiljohn Columna Sentillas daripada Sekretariat SEAMEO, dan sokongan semua Ahli Lembaga Pengarah, SEAMEO INNOTECH akan terus cemerlang dalam meningkatkan kualiti pendidikan di rantau kita. Marilah kita bekerjasama ke arah mencapai matlamat bersama untuk manfaat generasi masa depan kita.

Sebelum saya mengakhiri, izinkan saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan mesyuarat ini. Saya berharap awda akan mendapat pengalaman yang bermakna di NBD, secara profesional dan peribadi. Semoga pertemuan ini membuahkan hasil dan mengukuhkan lagi ikatan kerjasama di kalangan negara anggota SEAMEO.

Dengan itu, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada awda semua pada Mesyuarat GBM SEAMEO INNOTECH Ke-68 selaras dengan usaha untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama serantau dalam teknologi dan inovasi pendidikan, penyelidikan dan latihan pendidikan untuk mewujudkan masa depan yang lebih baik dan persekitaran pembelajaran bagi pelajar.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Seorang anggota wanita ABDB peluk Islam



**PEMANGKU Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**TUTONG**, Jumaat, 15 November. - Dengan rahmat dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala, 22190 Soldadu Norashiqin binti Hamdan dari Jabatanarah Perisikan, Kementerian Pertahanan memeluk agama Islam dalam satu Majlis Pengislaman hari ini.

Majlis berkenaan juga serentak meraikan adik beliau, iaitu 53985 Laskar Mohammad Shafiee bin Hamdan, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) yang baru-baru ini memeluk agama Islam.

Majlis berkenaan diadakan di rumah kediaman ibu bapa mereka di Kampung Pengkalan Dong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub yang juga selaku Penghulu Mukim Ukong; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad; Ketua Kampung Ukong, Awang Muhammad Hakimi bin Abdullah Gampar; Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; pegawai-pegawai kanan ABDB, pegawai-pegawai dari PDI, anggota-anggota ABDB dan kaum keluarga saudara-saudara baharu berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Mu'minun dari ayat satu hingga 11 yang dibacakan oleh Kopral Awang Zulilmi bin Awang Haji Julahia, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan lafaz dua kalimah syahadah oleh 22190 Soldadu Norashiqin yang dipimpin oleh pegawai dari PDI, Daerah Tutong. Majlis disemarakkan lagi dengan laungan takbir sebanyak tiga kali, diikuti dengan bacaan Doa Pengislaman oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, dan diakhiri dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai.

Majlis turut diselitkan dengan penyampaian cenderamata oleh Pemangku Pemerintah ABDB kepada 22190 Soldadu Norashiqin dan 53985 Laskar Mohammad Shafiee, TLDB.

Majlis disudahi dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, diikuti sesi bergambar ramai.

# LINDUNGI DIRI DI JALAN RAYA DENGAN AMALAN-AMALAN SUNNAH

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 13 Jamadilawwal 1446H/15 November 2024M

### 01 SEBELUM KELUAR RUMAH

Hendaklah dibiasakan membaca surah al-Fatihah, ayatul Kursi dan Surah al-Quraisy

### 02 AYAT YANG DIANJURKAN RASULULLAH SAW UNTUK DIBACA KELUAR RUMAH:

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA:

مَنْ قَالَ يَعْنِي إِذَا خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ يُقَالُ لَهُ كُفِيتَ وَوُقِيتَ وَتَنَحَّى عَنْهُ الشَّيْطَانُ

Ertinya: Barangsiapa yang berkata iaitu apabila keluar rumah dengan nama Allah, aku bertawakkal kepada Allah dan tiada daya dan kekuatan melainkan dengan (kekuasaan) Allah, maka akan dikatakan kepadanya (iaitu para malaikat mendoakannya) sesungguhnya kamu akan dicukupi dan akan dilindungi, dan syaitan akan menjauhkan daripadanya (HR Imam Tirmizi)

### 03 DOA SEBELUM MENAIKI KENDERAAN

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ، وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ

Ertinya: Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya, dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami

### 04 JIKA DI DALAM PERJALANAN BERLAKU HUJAN, DIANJURKAN MEMBACA:

اَللَّهُمَّ صَيِّبًا نَافِعًا

Ertinya: Ya Allah Engkau jadikanlah hujan ini sebagai hujan yang bermanfaat

### 05 KETIKA MENDENGAR GURUH DAN PETIR, HENDAKLAH MEMBACA:

اَللَّهُمَّ لا تَقْتُلْنَا بِغَضَبِكَ وَلا تُهْلِكْنَا بِعَذَابِكَ وَعَافِنَا قَبْلَ ذَلِكَ

Ertinya: Ya Allah janganlah Engkau matikan kami dengan kemurkaanMu dan janganlah Engkau binasakan kami dengan azabMu dan ampunkanlah kami sebelum itu

### 06 JIKA ANGIN BERTIUP KENCANG, DIANJURKAN MEMBACA:

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ مَا فِيهَا وَخَيْرَ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ مَا فِيهَا وَشَرِّ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ

Ertinya: Ya Allah aku memohon kepadaMu kebaikan (angin ini) dan kebaikan yang ada padanya dan kebaikan yang Engkau utuskan bersertanya, aku memohon perlindunganMu daripada keburukannya dan keburukan yang ada padanya serta keburukan yang Engkau utuskan bersertanya

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

# Lindungi diri di jalan raya dengan amalan-amalan sunnah




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, dalam menjalani kehidupan ini, kita bersyukur di atas pelbagai nikmat Allah Subhanahu Wata'ala dan di antaranya adalah nikmat kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh kerajaan seperti jalan raya. Jalan raya adalah kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi kegunaan orang ramai untuk berhubung dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.

Untuk menjamin jalan raya itu selamat dan selesa digunakan oleh semua pengguna, sama ada kenderaan bermotor atau pejalan kaki, maka kerajaan telah memperuntukkan peraturan dan undang-undang bagi pengguna jalan raya yang mesti dipatuhi. Sesungguhnya peraturan dan undang-undang tersebut adalah untuk memberi keselesaan dan keselamatan kepada semua pengguna jalan raya.

Akan tetapi, masih juga terdapat kejadian kemalangan jalan raya. Adapun antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya kemalangan jalan raya adalah pemandu yang kurang memberi tumpuan sepenuhnya semasa memandu disebabkan oleh penggunaan telefon bimbit semasa memandu yang menyebabkan tumpuan hilang kepada jalan raya. Selain itu juga adalah disebabkan memandu dalam keadaan letih, mengantuk dan berlakunya gangguan emosi seperti perasaan gugup, panik, marah, sedih, runsing dan seumpamanya.

Oleh yang demikian, pemandu perlu sentiasa sedar dan fokus ketika memandu dan memastikan keselamatan diri dan juga keselamatan orang lain di jalan raya kerana ia adalah langkah penting dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

Mewujudkan dan menggubal peraturan lalu lintas adalah pelaksanaan bagi merealisasikan tujuan syariat Islam. Setiap peraturan yang diwujudkan dan digubal oleh pihak kerajaan adalah bertujuan untuk menjaga maslahat orang awam. Peraturan ini termasuk dalam perkara-perkara yang disyariatkan kerana agama Islam amat mementingkan penjagaan dan pemeliharaan terhadap lima tujuan syarak (Maqasid Syariah) iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta benda.

Oleh yang demikian, penggubalan dan pelaksanaan peraturan lalu lintas ini adalah antara usaha menjamin keselamatan manusia dari sudut memelihara jiwa dan harta benda mereka. Sebagai contoh : Peraturan yang dikuatkuasakan merupakan antara langkah mengelak daripada berlakunya perkara yang boleh mengundang kepada kecederaan tubuh badan, kematian dan kerosakan harta benda.

Jelas di sini, bahawa peraturan lalu lintas yang ditetapkan oleh pihak kerajaan adalah salah satu langkah menolak kemudaratan atau bahaya yang boleh membawa pada kemusnahan jiwa dan harta benda. Menolak kemudaratan atau bahaya itu bermaksud menghilangkan atau menyingkirkan sesuatu yang boleh membawa kemudaratan atau bahaya. Menghilangkan atau menyingkirkan sesuatu yang boleh mendatangkan kemudaratan itu pula merupakan salah satu tuntutan yang terkandung di dalam kaedah-kaedah Fiqhiyah, iaitu :

**Ertinya :** Kemudaratan hendaklah dihilangkan.

Kaedah ini adalah bersumber daripada sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Said Sa'ad bin Malik bin Sinan Al-Kudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Tidak boleh melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain*". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)

Berdasarkan penjelasan tersebut, maka tidak syak lagi bahawa mewujudkan peraturan lalu lintas itu adalah antara perkara yang dituntut oleh syarak yang bertujuan memberikan kemaslahatan kepada seluruh pengguna jalan raya.

Selain daripada langkah-langkah fizikal yang dibuat bagi mengelakkan terjadinya kemalangan jalan raya, agama Islam juga ada mengajarkan doa-doa dan zikir-zikir untuk menjaga keselamatan diri, perlindungan daripada segala bahaya dan bala bencana, kita juga dianjurkan membaca doa dan memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala daripada sebarang bahaya dan kejahatan manusia, jin dan syaitan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada mengajarkan ayat yang dianjurkan untuk dibaca ketika keluar rumah. Doanya adalah sebagaimana disebut alam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahuanhu.

**Maksudnya :** "*Barang siapa yang berkata iaitu apabila keluar rumah*

بِسْمِ اللَّهِ توكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ، وَلاَحَوْلَ وَلاَقُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ،

*dengan nama Allah, aku bertawakal kepada Allah dan tiada daya dan kekuatan melainkan dengan (kekuasaan) Allah maka akan dikatakan kepadanya (iaitu para malaikat mendoakannya) sesungguhnya kamu akan dicukupi dan akan dilindungi dan syaitan akan menjauhkan daripadanya*". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Selain itu, sebelum keluar rumah hendaklah dibiasakan membaca Surah Al-Fatihah, ayat Al-Kursi dan Surah Quraish. Manakala ketika menaiki kenderaan hendaklah dibiasakan membaca doa :

سُبْحَـٰنَ ٱلَّذِى سَخَّرَ لَنَا هَـٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُۥ مُقْرِنِينَ ،
وَإِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنقَلِبُونَ

**Maksudnya :** "*Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami*".

Adapun jika di dalam perjalanan berlaku hujan, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan kita supaya membaca :

اللَّهُمَّ صَيِّبًا نَافِعًا.

**Maksudnya :** *"Ya Allah Kau jadikanlah hujan ini sebagai hujan yang bermanfaat*".

Manakala ketika mendengar guruh dan petir, hendaklah membaca :

اَللَّهُمَّ لاَ تَقْتُلْنَا بِغَضَبِكَ، وَلاَ تُهْلِكْنَا بِعَذَابِكَ،
وَعَافِنَا قَبْلَ ذَلِكَ.

**Maksudnya :** "*Ya Allah janganlah Engkau matikan kami dengan kemurkaan-Mu dan janganlah Engkau binasakan kami dengan azab-Mu dan ampunkanlah kami sebelum itu*".

Jika angin bertiup kencang pula, dianjurkan membaca :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ مَا فِيهَا وَخَيْرَ مَا أُرْسِلَتْ
بِهِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ مَا فِيهَا وَشَرِّ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ.

**Maksudnya :** "*Ya Allah aku memohon kepada-Mu kebaikan (angin ini) dan kebaikan yang ada padanya dan kebaikan yang Engkau utuskan bersertanya, aku memohon perlindungan-Mu daripada keburukannya dan keburukan yang ada padanya serta keburukan yang Engkau utuskan bersertanya*".

Mudah-mudahan dengan membaca ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa tersebut, kita semua akan mendapat keselamatan dan terhindar daripada sebarang bahaya dan malapetaka ketika berada di dalam perjalanan.

Sesungguhnya syariat Islam datang untuk menjaga maslahat manusia. Antara matlamat syariat Islam ialah memelihara nyawa dan harta benda. Jika kemalangan merupakan punca kehilangan jiwa atau nyawa manusia dan kerosakan pada harta benda, maka kita hendaklah berusaha untuk mencegahnya daripada berlaku. Maka jelaslah antara usaha mencegah itu ialah dengan menjaga keselamatan dan mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Akhirnya, marilah kita sentiasa berhati-hati, jangan disebabkan oleh kelalaian dan kesilapan kita, akan membawa padah kepada diri sendiri, orang tersayang mahupun kepada orang lain apatah lagi hingga menyebabkan kehilangan nyawa. Jadilah pemandu yang berhemah dan sentiasa mematuhi segala peraturan jalan raya yang dikuatkuasakan, saling bertolak ansur dan hormat-menghormati sesama pemandu yang lain. Sama-samalah kita berdoa semoga kita semua dihindarkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Dan (Dialah) yang telah menciptakan semuanya berpasang-pasangan dan Dia mengadakan bagi kamu bahtera dan binatang ternakan yang kamu dapat kenderai. Supaya kamu berada tetap di atasnya kemudian kamu mengingat nikmat Tuhan kamu apabila kamu berada tetap di atasnya serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan : Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami*". (Surah Az-Zukhruf, ayat 12-14)

# Kepulangan kontinjen MALBATT bagi penerbangan kedua tiba di Malaysia



**HADIR bagi mengalu-alukan kepulangan kontinjen MALBATT 850-11, Panglima Angkatan Bersama, Angkatan Tentera Malaysia (PAB ATM), Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Dato' Zahani bin Haji Zainal Abidin, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**



**PANGKALAN UDARA SUBANG, MALAYSIA**, Rabu, 13 November. - Penerbangan kedua bagi kepulangan kontinjen Malaysian Battalion (MALBATT) 850-11 bagi misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) terdiri daripada 206 anggota MALBATT 850-11 termasuk lapan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah pun selamat tiba di Pangkalan Udara Subang, Malaysia, baru-baru ini.

Hadir bagi mengalu-alukan kepulangan mereka, Panglima Angkatan Bersama, Angkatan Tentera Malaysia (PAB ATM), Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Dato' Zahani bin Haji Zainal Abidin, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Turut hadir adalah Penasihat Pertahanan Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Leftenan Kolonel Rudie Asmawi bin Haji Abidin, pegawai-pegawai kanan ATM serta ahli-ahli keluarga kontinjen MALBATT 850-11.

Upacara perbarisan berlangsung sejurus anggota-anggota keluar dari pesawat yang dimulai dengan tabik hormat dari kontinjen dan diikuti dengan lagu ATM serta ucapan daripada PAB ATM. Laungan 'Gempur Wira' mengakhiri perbarisan dan disusuli dengan bacaan doa.

Penerbangan ketiga dan keempat bagi MALBATT 850-11 yang seterusnya dijadualkan berlepas dari Lubnan ke Malaysia pada 15 dan 19 November 2024.

Kesemua anggota akan ditempatkan di MALBATT Village, Port Dickson terlebih dahulu sehingga keseluruhan anggota MALBATT 850-11 kembali ke Malaysia.







## JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
22 / JPB / SH2024

**Keterangan:**
Membekalkan Peralatan Jahitan dan Kain Kiper bagi Kegunaan Jabatan Penjara

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
23 / JPB / SH / 2024

**Keterangan:**
Membekalkan Peralatan Serunai bagi Kegunaan Jabatan Penjara

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
24 / JPB / SH / 2024

**Keterangan:**
Membekalkan Perkakas Tempat Tidur bagi Kegunaan Jabatan Penjara

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
25 / JPB / SH / 2024

**Keterangan:**
Membekalkan Freezer, Refrigerator, Speaker dan TV bagi Kegunaan Jabatan Penjara

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
26 / JPB / SH / 2024

**Keterangan:**
Membekalkan Peralatan Stor dan Kebersihan bagi Kegunaan Jabatan Penjara

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
27 / JPB / SH / 2024

**Keterangan:**
Membekalkan Peralatan Kenderaan bagi Kegunaan Jabatan Penjara

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
28 / JPB / SH / 2024

**Keterangan:**
Membekalkan Bendera Brunei bagi Jabatan Penjara

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
29 / JPB / SH / 2024

**Keterangan:**
Tawaran Membekalkan Alat-Alat Pakaian Seragam bagi Pegawai-Pegawai Rendah Lelaki dan Wanita Ke Atas, Jabatan Penjara

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**
Selasa,
3 Disember 2024.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

**Waktu-Waktu Menerima / Mengambil Dokumen Tawaran**
Isnin - Khamis:
8.00 Pagi - 11.30 Pagi

Sabtu:
8.00 Pagi - 10.00 Pagi

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

**Tajuk Tawaran:**
Cleaning Services at Department Electrical Services Muara Office, Mentiri Office & Lambak Office for 36 Months

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 077 / 2024

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
3 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

**Boleh Diperoleh Daripada:**
Kaunter Unit Tawaran
dan Sebut Harga
Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

**Tempat Tutup:**
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
*Basement* Two (B2),
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Kompleks Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**

**Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan**
• Kementerian Pembangunan (ABCi)
• Kelas 2 atau 3
• Kategori S02

**Harga Dokumen**:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tajuk Tawaran:**
Cleaning Services at Department of Electrical Services Main Store and Cable Yard Gadong, General Warehouse 66kv Transmission, 11kv Distribution, Revenue Management, Multi Purpose Hall and DNCC / HSE Office Batu Bersurat 24 Months.

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 075 / 2024

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
3 Disember 2024.
Jam2.00 Petang.

**Boleh Diperoleh Daripada:**
Kaunter Unit Tawaran
dan Sebut Harga
Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

**Tempat Tutup:**
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Basement Two (B2),
Bagunan Jabatan Perdana Menteri,
Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**

**Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan**
• Kementerian Pembangunan (ABCi)
• Kelas 2 atau 3
• Kategori S02

**Harga Dokumen**:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / PDP / 062 / 2024

**Tajuk:**
Maintenance of 12m Street Lighting and 150w Double Fitting for Sengkurong Area

**Tarikh Tutup:**
3 Disember 2024.
Selasa, Jam 2.00 Petang.

**Harga Dokumen:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Keterangan Projek:**
Membekal Pakaian Seragam bagi Bahagian Pengurusan Letak Kereta,
Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Bilangan Tawaran:**
08 / BBS / LK / 152 / QABPLK

**Keterangan Projek:**
Sebut Harga bagi Membekal Pakaian Seragam bagi Bahagian Pengurusan Letak Kereta,
Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Tarikh Buka :**
Isnin,
18 November 2024.

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
3 Disember 2024.

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Waktu Kaunter Pembayaran:**
Isnin – Khamis:
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang

Sabtu:
8.00 Pagi – 10.00 Pagi

Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari – Hari Kelepasan Awam

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam**

**Kenyataan Tawaran**

**Tajuk Sebut Harga :**
Supply, Delivery and Commissioning of Air Conditioning and Refrigeration Equipments for Air-Conditioning and Refrigeration Course at Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Sebut Harga:**
11 / 2024 / KKBS / PPB / 09

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
21 November 2024.
Jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran**
**Rancangan Pemakanan Sekolah dan Program Harapan**

**MOE / LTK / 87 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :
Sekolah Rendah Pengkalan Tentera Laut, Serasa.
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 61
bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 88 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Anak-Anak Askar Batalion II, Tutong Kem.
2. Sekolah Rendah Binturan
Daerah Tutong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: SM / 62
bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 89 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Jamuan Makan Tengah Hari Secara Tapau bagi Program Harapan :
Sekolah Menengah Awang Semaun.
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / T1
bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 90 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Keperluan-Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Sungai Teraban.
2. Sekolah Rendah Labi,
Daerah Belait.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / T8
bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 91 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Mentiri.
2. Sekolah Rendah Tanjong Kindana.
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / ST4
bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 92 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Minuman Kotak Tenusu bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Puni.
2. Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi.
3. Sekolah Rendah Rataie,
Daerah Temburong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / ST9
bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 87 / 2024 / 2025 hingga MOE / LTK / 92 / 2024 / 2025 :**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**
Selasa,
26 November 2024.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

**MOE / LTK / 93 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan bagi :
Sekolah Rendah Kg. Bukit, Sekolah Rendah Dato Pemancha Saging, Kg. Ukong.
Daerah Tutong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : MKN / 04
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 94 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan bagi :
1. Sekolah Rendah Selapon.
2. Sekolah Rendah Semabat.
Daerah Temburong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : MKN / 11
bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 95 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi :
Sekolah Menengah Pg. Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar, Mumong, Kuala Belait
Daerah Belait.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : AK / 07
bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 96 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau bagi Program Harapan :
Sekolah Menengah Tanjong Maya,
Daerah Tutong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / S5
bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 97 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Jamuan Makan Tengah Hari Secara Tapau bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Bebuloh.
2. Sekolah Rendah Batang Mitus.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / T4
bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 93 /**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
RTB / 05 / 2024
Provision of Security Guard Services for the RTB Secretariat Building, RTB Tutong and RTB Kuala Belait for a Period of Three (3) Years

**Bayaran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
19 November 2024.
(2.00 Petang)

**2024 / 2025 Hingga MOE / LTK / 97 / 2024 / 2025 :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**
Selasa,
26 November 2024.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

**MOE / LTK / 98 / 2024 / 2025**
**[DA(BPPA-NOV-2024)]**
Tawaran Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering bagi :
Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong.
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : AK / 01
bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 98 / 2024 / 2025 :**
BND50.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**
Selasa,
26 November 2024.
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN DAERAH TEMBURONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I**
**PMKK.3**
**(BND2,270.00 - BND4,240.00)**

**atau**

**Ketua Kampung Tingkat II**
**PMKK.2**
**(BND1,990.00 - BND2,970.00)**

**atau**

**Ketua Kampung Tingkat III**
**PMKK.1**
**(BND1,280.00 - BND2,270.00)**

**bagi**

**Daerah Temburong**

**Kampung Belingos,**
**Mukim Bangar**
**Kampung Selapon,**
**Mukim Batu Apoi**
**Kampung Selangan,**
**Parit dan Biang Menengah,**
**Mukim Amo**

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh **didapati** dan **dikembalikan** ke alamat seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran,**
**Bahagian Institusi**
**Mukim dan Kampung**
**Jabatan Daerah Temburong**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 26 Jamadilakhir 1446 bersamaan 28 Disember 2024, jam 4.00 Petang**.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266 / 265 sambungan 116 / 118 / 119 atau +673 5221110.

**Kampung-Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua-Ketua Kampung, Daerah Temburong**

**Ketua Kampung Belingos,**
**Mukim Bangar**
1. **Kampung Belingos**
2. **Pekan Bangar**
3. **Kampung Subok**
4. **Kampung Bang Bulan**
5. **Kampung Lagau**
6. **Kampung Piungan**

**Ketua Kampung Selapon,**
**Mukim Batu Apoi**
1. **Kampung Selapon**
2. **Kampung Lamaling**
3. **Kampung Sekurop**
4. **Kampung Rebada**
5. **Kampung Simbatan**

**Ketua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo**
1. **Kampung Selangan**
2. **Kampung Parit**
3. **Kampung Sibulu**
4. **Kampung Biang Menengah**
5. **Kampung Belaban**

**JABATAN PENERANGAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Kenyataan Tawaran**

(131) INFO / PK / K / 7
(2024-2025)

**Tajuk:**
Memohon Sebut Harga Membekalkan Jamuan bagi Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2024 / 2025

**Yuran :**
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup :**
Khamis,
21 November 2024.
Jam 8.00 Pagi.

MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.
BCY / CP / 152 / 2024**

**Baiduri Finance Berhad**
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Hamdan Bin Sumil**
BYIC NO. 00-287327
Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **26 September 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Hamdani Bin Sumil
No. 8, Simpang 15,
Jalan Paya Belambang,
RPN Bukit Beruang, Tutong.
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
5 Ogos 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**
12 Oktober 2024

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 26 September 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-), Mahkamah Besar** pada **14 November 2024 jam 10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini. Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **14 November 2024, jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
12 Oktober 2024

**Kes No.
BCY / CP / 156 / 2024**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Rosli Anak Linggir**
BYIC NO. 00-118067
Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 10 Oktober 2024.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Rosli Anak Linggir
No. 11, Simpang 152-53-52,
RPN Kampong Rataie.
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
29 Ogos 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**
16 Oktober 2024

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 Oktober 2024.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-), Mahkamah Besar pada 9 Disember 2024 jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Disember 2024 jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
16 Oktober 2024

**Kes No.
BCY / CP / 44 / 2024**

**Baiduri Finance Berhad**
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Noor Aliza Binti Metusin**
BYIC No. 00-294793
Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 Ogos 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Noor Aliza Binti Metusin
No.25, Simpang 17,
Jalan Nenas Paun,
Kampong Katok B,
Gadong, BE 2319,
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
22 Julai 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**
15 Oktober 2024

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 29 Ogos 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-), Mahkamah Besar** pada **2 Disember 2024 jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 Disember 2024 jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
15 Oktober 2024

**Kes No.
BCY / CP / 536 / 2016**

**Baiduri Finance Berhad**
[Previously filed by HSBC
Finance (B) Berhad]
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Shahminan Bin Abidin**
(BYIC NO. 00-263220)
Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada **28 September 2017 telah dibatalkan pada 12 Oktober 2024.**

**Nama Penghutang:**
Shahminan Bin Abidin

**Alamat Penghutang:**
No. 33, Jalan Kamangsi Timur,
RPN Meragang. BT 2728.
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
14 Oktober 2024

**Muhammad Syafiq Bin Awang Haji Zakaria**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**Kes No.
BCY / CP / 71 / 2010**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Dk Raufanurulmas-Wirru Pg Metussin**
(BYIC NO. 00-285977)
Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **24 Jun 2010 telah dibatalkan pada 12 Oktober 2024.**

**Nama Penghutang:**
Dk Raufanurulmas-Wirru Pg
Metussin

**Alamat Penghutang:**
No. 19, Simpang 82-5-34,
STKRJ Kampung Rimba,
Gadong BE3119,
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
1 Oktober 2024

**Nur Sariy Syahmina Binti Haji Jaffri**
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

# KUPU SB ADAKAN MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman





**RA'ES KUPU SB mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja bersempena dengan Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14 (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 13 November. - Kira-kira 150 warga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung hari ini di Kubah Makam Diraja bersempena dengan Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14.

Majlis tersebut diadakan khusus buat paduka-paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar''Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Rombongan diketuai oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan juga dihadiri oleh pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta bakal graduan lelaki KUPU SB.

Bacaan Surah Yaa Siin diikuti tahlil beramai-ramai dikepalai oleh Pegawai Pelajaran KUPU SB, Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya. Manakala bacaan doa dipimpin oleh Awang Abdul Hadi Nasrullah bin Muhammad Ashraf yang merupakan salah seorang bakal graduan.

Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14 akan berlangsung pada Khamis, 21 November 2024 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

# UNISSA hargai pencapaian cemerlang ahli akademik

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman





**REKTOR UNISSA semasa hadir pada Majlis Pengukuhan Profesor bersempena pelantikan Profesor Tempatan Pertama dalam bidang bahasa Arab iaitu Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad (atas). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 13 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) petang tadi mengadakan Majlis Pengukuhan Profesor bersempena pelantikan Profesor Tempatan Pertama dalam bidang bahasa Arab iaitu Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad.

Majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium UNISSA itu adalah bagi menghargai pencapaian cemerlang beliau sebagai salah seorang ahli akademik tempatan yang telah memberikan sumbangan besar dalam bidang bahasa dan pendidikan bahasa Arab di peringkat nasional dan antarabangsa.

Hadir selaku tetamu pada program tersebut ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Turut hadir, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, ahli akademik dari pelbagai institusi dalam dan luar negara serta para mahasiswa dan mahasiswi.

Sementara itu, Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah dalam ucapannya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Profesor Dr. Siti Sara atas sumbangan beliau dalam memperkukuhkan kedudukan bahasa Arab.

Dr. Hajah Rafidah juga menekankan bahawa pencapaian itu merupakan bukti komitmen UNISSA dalam melahirkan pakar bahasa tempatan yang mampu bersaing di peringkat global serta menyumbang kepada pembangunan bahasa Arab.

Walaupun perjalanan ini bukan mudah jelasnya, namun Profesor Dr. Siti Sara telah membuktikan bahawa usaha gigih dan komitmen yang tinggi merupakan kunci kepada kejayaan yang dicapai.

Program tersebut turut diisikan dengan pembentangan akademik yang disampaikan oleh Profesor Dr. Siti Sara bertajuk 'Developing Collaborative Technology Model (CTM) to Enhance Arabic Communication Skills Among Arabic Schools' Students in Brunei Darussalam'.

Turut diadakan pameran yang menggariskan pencapaian dan sumbangan Profesor Dr. Siti Sara dalam pelbagai aspek, termasuk penghasilan kajian ilmiah, penerbitan akademik, serta dedikasi beliau dalam membimbing generasi pelajar di UNISSA dan peringkat antarabangsa.

Program tersebut merupakan langkah signifikan dalam mengiktiraf kejayaan ahli akademik tempatan dan diharapkan akan menjadi inspirasi kepada tenaga akademik untuk terus melakar kejayaan dalam bidang masing-masing demi memperkukuhkan institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.



# PERTANDINGAN TINGKATKAN KEMAHIRAN EJAAN BAHASA INGGERIS PELAJAR

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**





**KETUA Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pendidikan, Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan berkenaan (atas). Sementara gambar kanan, sekitar Pertandingan SMTM Spelling Bee Cluster 5.**

**TUTONG**, Khamis, 14 November. - Awang Nathaniel Kamallenielen bin Kamaluddin, Tahun 7 dari Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong (SMMHT) dan Dayang Miza Maisarah binti Michael, Tahun 10 dari Sekolah Menengah Tanjong Maya (SMTM) menerima Anugerah Master Speller bagi Kategori Lelaki dan Perempuan pada Pertandingan SMTM Spelling Bee Cluster 5, Ma'had Islam Brunei (MIB) dan Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS) yang berlangsung di Dewan dan Lecture Theatre SMTM, di sini.

Sementara itu, johan Pertandingan Spelling Bee bagi pelajar Tahun 7 dimenangi oleh Awang Muhammad Aryan Firdaus bin Rozaimey dari Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO) bagi Kategori Lelaki, manakala bagi Kategori Perempuan disandang oleh Dayang Hafsyah binti Haji Salleh dari MIB.

Awang Faizal Perida Hugo dari SMMHT dan Dayang Amieelda Ameerah anak Jussemi dari SMSO johan Pertandingan Spelling Bee bagi pelajar Tahun 8 bagi Kategori Lelaki dan Perempuan.

Manakala johan Pertandingan Spelling Bee bagi pelajar Tahun 9 pula dimenangi oleh Awang Dannie Ariel bin Mahari dari SMTM bagi Kategori Lelaki, sementara Dayang Ellsya Hana binti Mikal dari SM RIPAS bagi Kategori Perempuan.

Johan Pertandingan Spelling Bee bagi pelajar Tahun 10 disandang oleh Awang Muhammad Raiez Saifullah bin Abdullah Azmi @ Luqman Nurhakim dari SMSO bagi Kategori lelaki dan bagi Kategori Perempuan dimenangi oleh Dayang Nur Aesya Alanna binti Azrol dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah serta sijil kepada para pemenang ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pendidikan, Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa diikuti dengan ucapan ringkas daripada Pengetua SMTM, Awang Eddy Nazrin bin Haji Seruji selaku Penasihat Majlis.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat, diikuti dengan sesi bergambar ramai. Pertandingan ini merupakan anjuran Jabatan Bahasa Inggeris itu melibatkan pelajar Tahun 7 hingga Tahun 10.

Adapun matlamat pertandingan diadakan ialah bagi melengkapkan para peserta dengan kemahiran penting untuk Pertandingan National Spelling Bee Competition pada masa yang akan datang.

Selain itu, ia juga untuk meningkatkan perbendaharaan kata dan kemahiran ejaan para peserta dalam bahasa Inggeris. Ia juga menggalakkan semangat berdaya saing secara sihat dan memupuk kerjasama antara sekolah-sekolah di Daerah Tutong.

Antara lain tujuan pertandingan itu diadakan ialah bagi membangunkan keyakinan diri dan menyediakan pelajar-pelajar untuk menghadapi cabaran dalam bidang akademik dan kehidupan pada masa yang akan datang, selain memupuk semangat komuniti antara pelajar dan sekolah-sekolah amnya yang terlibat.

# Program Sua Muka kongsi isu semasa, dasar kerajaan



**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BELAIT**, Khamis, 14 November. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan,

**KETUA Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka bagi Kampung Labi II, Mukim Labi, Daerah Belait bertempat di Dewan Jabatan Kerajaan-Kerajaan, Mukim Labi.**

Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah, mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Labi II, Mukim Labi, Daerah Belait bertempat di Dewan Jabatan Kerajaan-Kerajaan, Mukim Labi.

Hadir mengetui rombongan Jabatan Penerangan ialah Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Turut hadir menyampaikan maklumat kepada penduduk-penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Pihak Berkuasa bagi Teknologi Info-Komunikasi (Authority for InfoCommunications Technology - AITI), Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) dan Unified Smart Metering Services Sdn. Bhd. (USMS).

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana komunikasi, penyelenggaraan dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

# BSM lancarkan aplikasi SHARE

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**PENGARAH Urusan BSM, Awang Mohammed Alexirwan bin Haji Omar hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pelancaran aplikasi Shell Advantage Rewards (SHARE) pada Shell Mechanics Night 2024 yang berlangsung di Wafa Hotel, Gadong.**

**GADONG**, Khamis, 14 November. - Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) (BSM) malam tadi melancarkan aplikasi Shell Advantage Rewards (SHARE) pada Shell Mechanics Night 2024 yang berlangsung di Wafa Hotel, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pengarah Urusan BSM, Awang Mohammed Alexirwan bin Haji Omar.

Awang Mohammed Alexirwan semasa menyampaikan ucapannya pada majlis berkenaan antara lain menyatakan rasa terujanya mengenai pelancaran aplikasi SHARE.

"Aplikasi SHARE merupakan langkah penting ke arah visi BSM untuk mendigitalisasikan perkhidmatan kami dan mengukuhkan kerjasama dengan mekanik di seluruh Brunei.

"Program ini mengiktiraf kerja keras dan kepakaran mekanik yang menggunakan pelincir Shell kami dengan menyediakan platform yang selamat dan mudah untuk memperoleh ganjaran," jelasnya.

Acara berkenaan dihadiri oleh seramai 380 peserta dari Program Shell Master Mechanics 2023.

Aplikasi SHARE adalah program yang disasarkan kepada mekanik kereta yang menggunakan pelincir Shell yang dibekalkan oleh BSM untuk penyelenggaraan kenderaan.

Program inovatif berkenaan menawarkan kemudahan kepada mekanik untuk mengumpul mata ganjaran dan manfaat dengan ciri-ciri yang mempertingkatkan penglibatan mereka dengan produk Shell.

Mekanik yang berdaftar boleh mengumpul mata dengan mengimbas pelekat 'Untuk Pasaran Brunei' yang diletakkan pada penutup botol pelincir Shell yang dibekalkan oleh BSM, yang memastikan keaslian produk tersebut.

Aplikasi SHARE juga menyediakan kemas kini secara langsung mengenai promosi dan pengumuman, membolehkan mekanik sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai tawaran BSM.

Mekanik di Brunei yang berminat untuk menyertai program SHARE App tersebut bolehlah menghubungi Pusat Panggilan BSM melalui +673 2244739 untuk maklumat lanjut.

# 11 LAGI PESERTA MEMPERDENGARKAN BACAAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BERAKAS,** Rabu, 13 November. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi disambung lagi pada hari ketiga di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Seramai 11 peserta yang terdiri daripada sembilan qari dan dua qariah memperdengarkan bacaan masing-masing pada musabaqah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas, Ketua Pegawai Ugama Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah serta Cenderamata kepada para peserta dan hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M akan diadakan esok, Khamis, 12 Jamadilawal 1446H bersamaan 14 November 2024M, jam 1.45 petang, di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Musabaqah juga boleh disaksikan secara langsung melalui akaun media sosial Kementerian Hal Ehwal Ugama di Instagram *@kheu.brunei* dan Facebook *www.facebook.com/kheu.brunei*.





**KETUA Pegawai Ugama Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut (kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada musabaqah berkenaan.**







**ANTARA peserta yang memperdengarkan bacaan masing-masing pada musabaqah berkenaan (kiri, tengah dan kanan).**

# Terapkan amalan berkebajikan, mulia kepada penuntut

**PENOLONG Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman hadir mengetuai rombongan PDI pada program Amal Ilat Tabarru' Wa Barakah ke Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh dan sekitar perumahan di Kampung Bebuloh yang dianjurkan oleh Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), PDI.**



Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BEBULOH,** Rabu, 13 November. - Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), Pusat Da'wah Islamiah (PDI) pagi tadi menganjurkan program Amal Ilat Tabarru' Wa Barakah ke Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh dan sekitar perumahan di Kampung Bebuloh, di sini.

Hadir mengetuai rombongan bagi PDI, Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Manakala, ketua rombongan bagi para penuntut ialah Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad.

Sebanyak lima buah keluarga di bawah program amal berkenaan telah menerima barangan asasi bagi keperluan asnaf mualaf di Kampung Bebuloh.

Acara juga turut menyaksikan kerja-kerja gotong-royong kawasan Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh dan kemudiannya menyerahkan sumbangan berupa alat-alat dan barang keperluan Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh.

Program antara lain bertujuan sebagai satu inisiatif kepada para penuntut dalam melakukan kebajikan di samping mendidik para penuntut untuk mengerjakan amalan-amalan mulia seperti berinfak dengan masyarakat luar.

Selain itu, untuk meningkatkan kesedaran para penuntut betapa pentingnya amalan bantu-membantu, membentuk tingkah laku dan nilai murni para penuntut agar bersikap mulia sesama insan lain, serta memupuk diri dalam berinfak yang menjadi amalan mulia sebagai ganjaran dunia dan akhirat.

Juga hadir, Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI, Datin Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub; Pemangku Ketua Kampung Bebuloh serta rombongan dari PDI dan rombongan tenaga pengajar SMALHB.



**ROMBONGAN semasa menyerahkan sumbangan berupa alat-alat dan barang keperluan Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh.**

# PROGRAM BALANCE BANTU KAWAL DIABETES LEBIH EFEKTIF



**CONSULTANT Endocrinologist dan Head of Endocrinology Unit, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Lina Chong Pui Lin.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Suzani Adina Haji Marzoki**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 13 November. - Program BALANCE adalah intervensi baharu dari Kementerian Kesihatan yang boleh didapati melalui aplikasi BruHealth. Ia boleh digunakan untuk penghidap Diabetes Mellitus Jenis 2.

Program BALANCE ini melibatkan penggunaan terapi digital yang akan menyediakan khidmat nasihat tentang pemakanan, senaman, perubahan gaya hidup dan peserta boleh memasukkan pelan pemantauan paras gula darah dengan bimbingan jurulatih kesihatan untuk membantu mengawal diabetes masing-masing.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Consultant Endocrinologist dan Head of Endocrinology Unit, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Lina Chong Pui Lin semasa ditemu bual mengenai program berkenaan di Hospital RIPAS, hari ini.

"Kajian penyelidikan ini adalah sangat penting kerana kita sedang melihat peningkatan kes penyakit Diabetes Mellitus Jenis 2 dengan anggaran satu daripada 10 orang di negara ini. Beban penyakit ini juga semakin meningkat kerana pesakit diabetes mempunyai risiko komplikasi yang lebih tinggi seperti kegagalan buah pinggang, menjadi buta dan pengudungan kaki.

"Program ini juga akan membantu pihak Kementerian Kesihatan untuk menilai keberkesanan intervensi digital dalam menambahbaikkan kawalan penyakit diabetes dengan memberikan tumpuan kepada perubahan gaya hidup yang sihat dan pengurusan diri sendiri," ujarnya.

Menurut Dr. Lina Chong Pui Lin, Program BALANCE ini telah dilancarkan pada 20 Ogos 2024. Ia akan diteruskan selama enam bulan di mana orang ramai yang menghidap Diabetes Jenis 2 boleh menyertainya dan akan dilaksanakan selama empat bulan atau 16 minggu.

Program ini jelasnya adalah terbuka kepada penghidap Diabetes Jenis 2 yang berumur antara 18 hingga 70 tahun. Mereka yang berminat untuk menyertai boleh mendaftar secara sukarela melalui aplikasi BruHealth dengan memuat turun versi terkini aplikasi tersebut dan kemudian menekan butang MyHealth dan seterusnya menekan pada bahagian Program BALANCE. Para peserta akan diminta menjawab beberapa soalan bagi menilai kesesuaian mereka untuk program ini dan akan dihubungi sebaik sahaja jawapan mereka telah disemak.

Setelah peserta ini terpilih untuk mengikuti program ini dihubungi tambahnya, mereka perlu menjalani ujian darah berpuasa dan akan diberikan peralatan pemantauan secara percuma seperti gelang pintar, alat timbangan dan glukometer iaitu peranti pemantauan gula darah untuk membolehkan mereka memeriksa gula darah sendiri.

"Peserta juga boleh berinteraksi seberapa kerap melalui panggilan video atau teks segera dengan jurulatih kesihatan tertentu untuk memantau perkembangan diabetes dan membuat penyesuaian yang berpatutan untuk kawalan diabetes mereka," katanya.

Beliau seterusnya menjelaskan peserta akan berjumpa dengan jurulatih kesihatan mereka secara *face-to-face* atau bersemuka pada permulaan program sahaja. Selepas itu komunikasi akan dijalankan melalui aplikasi BruHealth termasuk panggilan video jika diperlukan.

Setelah selesai mengikuti Program BALANCE selama 16 minggu ini, peserta akan dikehendaki menjalani satu lagi ujian darah berpuasa. Pada akhir program ini nanti, peserta akan diberi laporan peribadi tentang kemajuan mereka.

Sementara itu, bagi peserta program yang beragama Islam juga akan dikehendaki untuk menjawab beberapa soalan mengenai pengalaman mereka semasa berpuasa. Ini akan membantu pihak hospital untuk memahami bagaimana berpuasa dapat mempengaruhi penjagaan dan pengurusan seseorang penghidap Diabetes Jenis 2.

Dr. Lina Chong Pui Lin seterusnya menyatakan bahawa intervensi yang sama pernah dijalankan di negara ini sebelum ini pada bulan April 2022 hingga April 2023 tetapi tidak menggunakan aplikasi digital.

Intervensi tersebut katanya, menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kawalan diabetes bagi peserta yang mempunyai Diabetes Jenis 2 selepas menerima nasihat gaya hidup. Program BALANCE ini adalah lanjutan kepada intervensi tersebut dengan menggunakan aplikasi digital.

"Penyertaan dalam Program BALANCE ini adalah secara sukarela, tetapi tahap penyertaan yang tinggi adalah sangat penting untuk membolehkan kami atau pihak Kementerian Kesihatan untuk menentukan keberkesanan program ini.

"Harapan kami adalah setiap individu akan dapat menggunakan program digital ini untuk membantu mereka mengawal diabetes dengan lebih efektif. Saya juga ingin menekankan bahawa semua maklumat yang diperoleh daripada mengikuti program ini adalah sulit dan maklumat peribadi peserta tidak akan didedahkan," jelasnya.

Pada ketika ini terdapat lebih 140 peserta yang sudah menjalani program tersebut dan lebih 50 lagi yang akan memulakan program berkenaan. Kementerian Kesihatan sangat menggalakkan penyertaan individu yang menghidap Diabetes Jenis 2 dengan harapan untuk memberikan intervensi digital ini kepada pesakit di negara ini tertakluk kepada kesesuaian.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program ini boleh didapati di media sosial melalui aplikasi BruHealth dan saluran media sosial, iaitu Instagram *@mohbrunei* dan *@bruhealth.app* atau menghubungi melalui teks WhatsApp menerusi talian +673 7430790.




# Memperkasa penjagaan kesihatan menggunakan teknologi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 13 November. - Pengenalan Digital Diabetes Therapeutics (DMDTx) di negara ini merupakan satu langkah besar ke hadapan yang membolehkan orang ramai menguruskan diabetes dengan berkesan menggunakan teknologi canggih yang mudah diakses.

Platform digital seperti ini adalah sesuatu yang sedang diusahakan oleh banyak negara lain dan di Negara Brunei Darussalam (NBD), teknologi kesihatan ini sudah dapat diakses oleh orang awam. Dengan menggunakan alat-alat ini, pengguna mempunyai peluang untuk mengawal kesihatan mereka dengan sendiri.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Consultant Orthopadic Surgeon, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Chief Medical Informatics, M.A, Pengiran Dr. Noor Azmi bin Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad semasa ditemu bual mengenai DMDTx dalam aplikasi BruHealth pada sesi temu bual yang diadakan di hospital berkenaan, hari ini.

Menurutnya, penjagaan pencegahan adalah nadi kepada misi kesihatan. BruHealth telah menawarkan alat pemeriksaan penting untuk kanser payudara, kanser kolorektal dan penyakit kardiovaskular yang menjadikan pengesanan awal lebih mudah diakses dan ada beberapa lagi penyakit kronik yang akan dilaratkan juga secara berperingkat pada masa akan datang.

"Kami juga memahami bahawa tiada siapa yang ingin mengetahui bahawa mereka mempunyai masalah kesihatan tetapi pengesanan awal memberi kita peluang untuk merawat secara berkesan dan mengelakkan komplikasi. Dengan alat ini, BruHealth memperkasa pengguna untuk mengutamakan kesihatan mereka sebelum masalah kesihatan yang lebih serius timbul," ujarnya.

Menyentuh mengenai visi Kementerian Kesihatan untuk alat kesihatan digital seperti BruHealth, beliau menyatakan misi kementerian adalah untuk memperkasakan penduduk agar mereka lebih aktif menjaga kesihatan mereka, dengan menggunakan teknologi.

BruHealth adalah cara untuk menyokong orang ramai agar lebih proaktif mengenai kesihatan mereka, sama ada melalui pengurusan penyakit seperti diabetes, membuat janji temu atau mengakses sumber pendidikan. "Dengan memanfaatkan teknologi digital, kami memudahkan dan menjadikan kesihatan lebih mudah diakses oleh semua orang di negara ini," ujarnya.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa pemeriksaan boleh menjadi sesuatu yang menakutkan, tetapi matlamat kementerian adalah untuk menjadikannya lebih mudah diakses dan menenangkan melalui BruHealth. Dengan mengesan sebarang potensi masalah lebih awal tambahnya, orang ramai dapat mengelakkan komplikasi yang serius dan menikmati hasil yang lebih baik.

Pemeriksaan rutin bukan sahaja tentang mencari masalah kesihatan tetapi ia juga adalah untuk memastikan orang ramai mempunyai peluang untuk menangani kebimbangan awal dan mengekalkan kehidupan normal mereka bersama keluarga yang tersayang dan rakan-rakan.

"Kami menggalakkan semua orang untuk mencuba BruHealth. Ia bukan sahaja tentang menguruskan masalah kesihatan sedia ada tetapi juga tentang memperkasakan diri dengan penjagaan pencegahan dan wawasan kesihatan yang boleh memberi perbezaan jangka panjang.

"Alat-alat kami direka untuk menjadikan penjagaan kesihatan lebih mudah diakses, berkesan, dan peribadi. Dengan menggunakan sumber-sumber ini, setiap orang boleh mengambil peranan aktif dalam perjalanan kesihatan mereka, meletakkan asas NBD yang lebih sihat," jelasnya mengakhiri sesi temu bual.



**CONSULTANT Orthopadic Surgeon, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Chief Medical Informatics, M.A, Pengiran Dr. Noor Azmi bin Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad.**

**"KAMI juga memahami bahawa tiada siapa yang ingin mengetahui bahawa mereka mempunyai masalah kesihatan tetapi pengesanan awal memberi kita peluang untuk merawat secara berkesan dan mengelakkan komplikasi. Dengan alat ini, BruHealth memperkasa pengguna untuk mengutamakan kesihatan mereka sebelum masalah kesihatan yang lebih serius timbul," ujarnya.**



# Memahami kepentingan persaingan

**SIRI 3**

**Rencana dan Infografik : Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**

**ARTIKEL** ini merupakan siri ketiga daripada empat artikel bersiri mengenai persaingan, yang dibawakan oleh Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, sebuah badan separa kehakiman yang dimandatkan untuk menggalakkan dan mengekalkan persaingan yang adil di dalam landskap ekonomi Negara Brunei Darussalam, melalui penguatkuasaan Akta Persaingan. Untuk maklumat lanjut, sila layari *www.ccbd.gov.bn* atau hubungi melalui *exec.secretariat@ccbd.gov.bn* (e-mel) atau +673 2383100 (telefon).

**Memperkasakan Persaingan Adil : Mengesan dan Mencegah Perjanjian Anti-Persaingan**

Persaingan yang adil adalah asas kepada pasaran yang dinamik, mendorong inovasi, kecekapan, dan memberi pilihan kepada pengguna. Namun, integriti persaingan ini boleh terjejas apabila sesebuah perniagaan terlibat dalam perjanjian anti-persaingan, iaitu amalan yang merosakkan prinsip keadilan. Perjanjian-perjanjian ini, yang sering kali berupa persetujuan rahsia antara pesaing, boleh muncul dalam pelbagai bentuk, seperti penetapan harga, kawalan bekalan, pembahagian pasaran, dan penipuan bidaan.

• **Penetapan Harga** : Pihak-pihak yang bersaing bersetuju untuk menetapkan harga pada tahap tertentu, sekali gus menghapuskan persaingan dan secara artifisial meningkatkan harga bagi pengguna.

• **Kawalan Bekalan** : Perjanjian antara pihak-pihak yang bersaing untuk mengehadkan pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan. Tindakan ini mencipta kekurangan buatan dan mendorong kenaikan harga.

• **Perkongsian Pasaran** : Perjanjian yang membahagikan kawasan atau pelanggan di antara pihak-pihak yang bersaing, yang seterusnya menyekat persaingan dan menafikan pengguna daripada mendapatkan pilihan yang lebih baik.

• **Penipuan Bidaan** : Pakatan sulit antara pihak-pihak yang bersaing untuk memanipulasi proses bidaan, dengan tujuan memastikan hasil yang telah ditentukan dan menafikan pengguna daripada manfaat harga yang kompetitif.

Perjanjian-perjanjian ini mengakibatkan harga yang melambung, kualiti yang menurun, dan akses pasaran yang terhad, seterusnya menghakis manfaat persaingan. Menyedari kesan negatif yang ditimbulkan oleh perjanjian anti-persaingan, Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam terus berwaspada dalam usaha mereka untuk mengesan dan mencegah tingkah laku anti-persaingan ini.

Contoh-contoh dari negara jiran seperti Singapura dan Malaysia menekankan kepentingan kewaspadaan dalam mengatasi perjanjian anti-persaingan. Salah satu kes yang signifikan di Singapura melibatkan Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Singapura (CCCS) yang menyiasat sebuah kartel dalam sektor pengedaran ayam segar. Siasatan itu mendedahkan bahawa beberapa pembekal telah terlibat dalam perjanjian penetapan harga, memanipulasi harga, dan membahagikan pelanggan di antara mereka. Akibatnya, pengguna terpaksa menghadapi harga yang melambung secara artifisial untuk produk ayam. Dengan penelitian yang teliti dan kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam industri, CCCS berjaya membongkar kartel tersebut, mengenakan penalti kewangan dan mengambil langkah-langkah pencegahan bagi menegakkan persaingan yang adil dalam pasaran.

Begitu juga, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengambil langkah proaktif dalam menangani perjanjian anti-persaingan di pelbagai industri. Dalam satu kes yang signifikan, MyCC membongkar kartel dalam kalangan pengendali bas yang berkomplot untuk menetapkan harga dan berkongsi laluan, yang sekali gus mengehadkan persaingan dan mengeksploitasi pengguna. Melalui siasatan yang teliti dan tindakan penguatkuasaan yang tegas, MyCC mengenakan denda dan melaksanakan program pematuhan untuk mencegah kejadian berulang. Dengan itu, MyCC menghantar mesej yang jelas bahawa tingkah laku anti-persaingan tidak akan diterima dalam pasaran Malaysia.

Untuk mengatasi perjanjian anti-persaingan dengan lebih berkesan, pihak CCBD menggunakan pelbagai kaedah pengesanan, seperti rejim kelonggaran, atau *leniency regime*. Di bawah Akta Persaingan, rejim ini membenarkan pengurangan penalti sehingga maksimum 100 peratus yang boleh diberikan berdasarkan kes tertentu, kepada mana-mana perusahaan yang telah :

1. Mengakui penglibatannya dalam pelanggaran mana-mana larangan-larangan di bawah Bab 11 (Perjanjian Anti-Persaingan);

2. Memberikan maklumat atau bentuk kerjasama lain kepada CCBD yang secara signifikan membantu, atau mungkin akan membantu, dalam mengenal pasti atau menyiasat pelanggaran oleh perusahaan lain.

Sebagai kesimpulan, usaha untuk menentang perjanjian anti-persaingan adalah sangat penting bagi mengekalkan persaingan yang adil dan melindungi kebajikan pengguna di Brunei Darussalam. Dengan penguatkuasaan yang tegas dan langkah-langkah pencegahan yang berkesan, CCBD bertekad untuk memastikan prinsip permainan yang adil terus ditegakkan dalam pasaran. Siri seterusnya akan membincangkan Bab 21 (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan) dan Bab 23 (Penggabungan Anti-Persaingan), yang dijadualkan untuk dikuatkuasakan pada sekitar tahun 2025.

# TAKLIMAT DEDAHKAN BAHAYA BULI SIBER

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman





LEBIH 60 pelajar Tahun 9 dan 10 Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA) menghadiri Taklimat Anti Buli yang disampaikan oleh Kaunselor SMSSA, Awang Mas Yusdi bin Mazali (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 13 November. - Lebih 60 pelajar Tahun 9 dan 10 Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA) menghadiri Taklimat Anti Buli yang berlangsung di surau sekolah berkenaan, hari ini.

Turut hadir semasa taklimat tersebut ialah Pengetua sekolah berkenaan, Dayang Hajah Noor Zinatul Ashiqin binti Haji Ibrahim.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Kaunselor SMSSA, Awang Mas Yusdi bin Mazali yang antara lain mengongsikan definisi buli sebagai keinginan untuk mencederakan atau meletakkan seseorang dalam situasi yang tertekan.

Menurutnya, ia juga ketidakseimbangan kuasa; aktiviti berulang-ulang; memudaratkan mangsa dan melibatkan keagresifan dari segi fizikal, penghinaan lisan, penyebaran fitnah, atau gosip dan ancaman penyisihan dari kumpulan sebaya.

Dalam taklimatnya juga antara lain menghuraikan ciri-ciri definisi perbuatan buli, kesan-kesan perbuatan buli dan tindakan yang perlu dilakukan oleh mangsa atau jika menghadapi kes buli.

Taklimat tersebut merupakan Program Minggu B.E.S.T (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) sebagai inisiatif berterusan Kementerian Pendidikan dalam usaha membendung dan mencegah gejala buli termasuk buli siber agar tidak berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah.

Program Minggu B.E.S.T yang bertemakan 'Kesedaran Mengenai Buli Siber' dianjurkan oleh Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan bersempena Hari Antarabangsa Menentang Keganasan dan Buli di Sekolah Termasuk Buli Siber yang ditetapkan oleh pihak UNESCO (International Day Against Violence and Bullying at School Including Cyberbullying) yang jatuh pada setiap Khamis pertama dalam bulan November setiap tahun.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan dengan penyebaran maklumat khusus untuk mendidik pelajar-pelajar mengawal diri agar isu buli siber dapat dielakkan.

Selain itu, program juga mendedahkan pelajar kepada bahaya buli siber dan kesan buruk, dengan harapan dapat melahirkan pelajar yang berdisiplin, saling menghormati serta mempunyai peribadi dan akhlak yang baik.

# Tingkatkan kefahaman mengenai pentadbiran cukai

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 13 November. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Bahagian Hasil telah mengadakan Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, baru-baru ini.

Sesi ini bertujuan bagi meningkatkan kefahaman kepada syarikat mengenai pentadbiran cukai di negara ini serta membantu syarikat untuk meningkatkan kesedaran terhadap pematuhan Cukai Pendapatan Korporat.

Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat disampaikan oleh Pegawai Kewangan dari Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Nooralia Azahra binti Haji Buang yang antaranya telah menjelaskan secara menyeluruh tentang Cukai Pendapatan Korporat termasuk Basis of Assessment, Pematuhan Cukai (Tax Obligation), Perkiraan Cukai (Tax Computation) dan Pemfailan Cukai (Tax Filing) selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.





**SEKITAR Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (kiri dan bawah kiri).**



## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Manfaatkan Hobi Dalam Menjana Pendapatan'.** Tarikh Tutup **: 20 November 2024**
2. **'Tingkatkan Ekonomi Menerusi Bidang Pertanian '.** Tarikh Tutup **: 27 November 2024**
3. **'AI Membawa Kebaikan Atau Keburukan?'.** Tarikh Tutup **: 4 Disember 2024**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
**BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# SEKOLAH RENDAH DI DELHI DITUTUP SUSULAN PENCEMARAN UDARA SEMAKIN KRITIKAL

**NEW DELHI**, 15 Nov. - Ibu negara India pada Khamis mengumumkan penutupan sekolah rendah apabila tahap pencemaran udara mencapai paras berbahaya dengan bermulanya musim sejuk.

Udara di wilayah Delhi menjadi semakin toksik setiap kali musim sejuk berikutan pembakaran jerami di negeri-negeri sekitar Delhi, asap pengangkutan dan industri, pembakaran terbuka sisa buanganserta habuk dari tapak pembinaan.

Pada Khamis, indeks kualiti udara (AQI) Delhi mencecah lebih 430, melebihi tahap yang dianggap selamat untuk kesihatan manusia.

"Disebabkan peningkatan tahap pencemaran, semua sekolah rendah di Delhi akan beralih ke kelas dalam talian sehingga diberitahu kelak," kata Ketua Menteri Delhi, Atishi Marlena dalam hantaran di X.

Kualiti udara di bandar itu merosot dengan mendadak bulan ini meskipun terdapat langkah-langkah seperti larangan mercun dan had ke atas aktiviti pembinaan.

Ramai yang menyambut perayaan Deepavali tahun ini masih melanggar larangan mercun yang memburukkan lagi tahap pencemaran udara.

Kanak-kanak lebih terdedah apabila penyakit pernafasan dan kardiovaskular meningkat di Delhi serta wilayah di ibu negara yang merangkumi bandar-bandar seperti Gurugram, Faridabad, Noida dan Ghaziabad. - ©BERNAMA

# Batu karang terbesar di dunia dijumpai di Lautan Pasifik Barat Selatan

**SYDNEY**, 15 Nov. - Para saintis menjumpai batu karang terbesar di dunia di Lautan Pasifik Barat Selatan, lapor Agensi Berita Xinhua.

Batu karang itu berukuran 34 meter lebar, 32 meter panjang dan setinggi 5.5 meter ditemukan di gugusan pulau Three Sisters di Kepulauan Solomon oleh saintis marin daripada pasukan Pristine Seas National Geographic.

Batu karang itu terdiri daripada rangkaian hampir 1 bilion polyps, iaitu organisma kecil-berusia antara 300 hingga 500 tahun, menurut para penyelidik.

Explorer in Residence di National Geographic, Enric Sala menyifatkan penemuan itu sebagai pencapaian saintifik yang penting.

Pasukan penyelidik berkata batu karang itu dalam keadaan terpelihara, namun memberi amaran bahawa ia boleh terdedah kepada ancaman pemanasan global.

"Terdapat alasan untuk bimbang. Meskipun berada di lokasi yang terpencil, batu karang ini tidak terlepas daripada bahaya pemanasan global dan ancaman lain yang disebabkan manusia," kata Sala.

Pada awalnya, ahli pasukan menyangka batu karang itu merupakan bangkai kapal.

Jurugambar bawah laut yang turut serta dalam ekspedisi, Manu San Felix menyelam lebih 12 meter untuk meneliti dengan lebih dekat dan mengenal pasti struktur itu sebagai batu karang daripada spesies Pavona clavus.

Pemeriksaan lanjut mendapati bahawa batu karang itu berfungsi sebagai habitat, kawasan perlindungan dan pembiakan untuk beberapa spesies hidupan laut.

Perdana Menteri Kepulauan Solomon, Jeremiah Manele berkata penemuan ini menekankan kepentingan melindungi dan memelihara terumbu karang untuk generasi akan datang. - ©BERNAMA

# WHO keluar amaran kes campak melonjak di peringkat global

**GENEVA**, 15 Nov. - Jumlah jangkitan campak di seluruh dunia meningkat sebanyak 20 peratus antara 2022 dan 2023, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan agensi kesihatan Amerika Syarikat CDC.

Anggaran kes global pada 2023 mencecah 10.3 juta, dengan hampir 110,000 kematian direkodkan, kebanyakannya melibatkan kanak-kanak di bawah umur lima tahun, iaitu kira-kira lapan peratus lebih rendah berbanding tahun sebelumnya, lapor agensi berita Jerman dpa pada Khamis.

Pihak berkuasa kesihatan memaklumkan bahawa penyakit berkenaan boleh dicegah dengan dua dos vaksin.

Secara global, 83 peratus kanak-kanak menerima dos pertama, tetapi hanya 74 peratus mendapat dos kedua.

Menurut laporan itu, sekiranya 95 peratus kanak-kanak di setiap negara, wilayah, dan kumpulan divaksin, wabak berkenaan boleh dicegah.

"Vaksin campak menyelamatkan lebih banyak nyawa berbanding vaksin lain dalam tempoh 50 tahun yang lalu," kata Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus.

Menurut WHO, sekitar 57 juta kematian dapat dicegah melalui vaksinasi antara 2000 dan 2020.

"Untuk menyelamatkan lebih banyak nyawa dan menghentikan virus maut ini daripada menjejaskan golongan paling terdedah, kita mesti melabur dalam imunisasi untuk setiap orang tanpa mengira latar belakang," kata Tedros.

Sebanyak 57 negara melaporkan wabak campak pada 2023, hampir separuh daripadanya direkodkan di Afrika, lapor WHO dan CDC. - ©BERNAMA

# Mahkamah Agung Brazil dikosongkan selepas dua insiden letupan, seorang maut

**SAO PAULO**, 14 Nov. - Mahkamah Agung Brazil terpaksa dikosongkan selepas dua letupan berlaku di luar bangunan berkenaan pada malam Rabu, menyebabkan seorang lelaki terbunuh di dataran di hadapan mahkamah, menurut pihak polis dan saksi.

Para hakim dipindahkan dengan selamat, menurut kenyataan mahkamah.

Letupan pertama berlaku di tempat letak kereta berhampiran bangunan mahkamah, dengan siaran televisyen tempatan menunjukkan letupan berlaku di bahagian but sebuah kereta.

Polis menjalankan pemeriksaan di kawasan terbabit untuk mengesan bahan letupan lain, dan Peguam Negara Brazil menyifatkan insiden ini sebagai "serangan" di media sosial.

Mayat seorang lelaki ditemukan terbaring di dataran berhadapan mahkamah.

Mahkamah Agung terletak berhadapan dengan istana presiden Brazil, di mana Presiden Luis Inacio Lula da Silva dilaporkan beredar beberapa minit sebelum letupan berlaku.

Kedua-dua letupan dilaporkan berlaku dalam selang masa 20 saat, menurut laporan media tempatan. - ©BERNAMA

# FAA larang penerbangan AS ke Haiti selepas dua pesawat Amerika terkena tembakan

**WASHINGTON**, 13 Nov. - Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) telah melarang penerbangan ke dan dari Haiti selama sekurang-kurangnya 30 hari selepas pesawat JetBlue Airways dan Spirit Airlines terkena tembakan pada Isnin berhampiran Port-au-Prince, lapor United Press International (UPI).

FAA berkata selain larangan 30 hari, pihaknya juga melarang buat sementara kebanyakan penerbangan Amerika Syarikat (AS) terbang di bawah 10,000 kaki di wilayah atau ruang udara Haiti.

Agensi itu berkata larangan berkenaan disebabkan 'risiko keselamatan penerbangan yang dikaitkan dengan ketidakstabilan keselamatan yang berterusan' di bahagian Haiti di pulau Hispaniola, yang tahun ini dilanda keganasan kumpulan jenayah.

Pengecualian akan dibuat hanya untuk penerbangan kecemasan yang dibenarkan oleh kerajaan AS dengan kelulusan FAA.

Pada Isnin, sebuah pesawat JetBlue dan Spirit Airlines penerbangan 951 dilaporkan terkena tembakan berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Toussaint Louverture di ibu kota Haiti, Port-au-Prince.

Seorang kru penerbangan Spirit Airlines dilaporkan cedera ringan. Pesawat itu telah dilencongkan ke Republik Dominika di Santiago sekitar 11.30 pagi waktu tempatan.

Insiden itu berlaku pada hari yang sama Perdana Menteri Haiti Garry Conille dipecat daripada jawatannya.

Ahli perniagaan Alix Didier Fils-Aime akan menggantikan Conille sebagai Perdana Menteri. - ©BERNAMA

# UK janji £74 juta ganti kayu, arang batu dengan kaedah memasak bersih

**LONDON**, 15 Nov. - United Kingdom (UK) akan membelanjakan £74 juta (US$93.8 juta) untuk menyokong 10 juta orang di negara selatan global beralih kepada kaedah memasak menggunakan tenaga bersih dan berhenti menggunakan kayu atau arang batu.

Menteri Pembangunan, Anneliese Dodds akan mengumumkan pakej pembiayaan itu pada Sidang Kemuncak Iklim COP29 di Azerbaijan, lapor PA Media/dpa.

Kira-kira 2.1 bilion orang di seluruh dunia masih perlu memasak menggunakan kayu api, arang, atau bahan api pencemar lain.

Dodds berkata Britain kembali dengan suara di pentas dunia dan menerajui inisiatif baharu untuk menyokong kesihatan dan alam sekitar.

"Pakej ini akan membantu 10 juta orang di seluruh Sub-Sahara Afrika, Asia Selatandan Indo-Pasifik untuk meninggalkan penggunaan kayu dan arang batu, sekali gus membantu alam sekitar serta meningkatkan kesihatan wanita dan gadis yang sering terdedah kepada asap berbahaya.

"Tiada apa yang lebih penting kepada kepentingan nasional UK sendiri daripada menyampaikan kemajuan dalam menahan peningkatan suhu. Ini adalah peluang kami untuk mencapai tenaga yang bersih dan selamat di peringkat global dan domestik, sambil memacu pertumbuhan untuk UK," katanya.

Beliau turut mengumumkan pelaburan bernilai US$16 juta ke dalam Africa Go Green, dana yang menyokong perniagaan peringkat awal dalam mengambil tindakan iklim di Afrika. - ©BERNAMA

# Sri Lanka kerah 90,000 anggota keselamatan untuk Pilihan Raya Parlimen

**COLOMBO**, 13 Nov. – Kira-kira 90,000 anggota polis dan pasukan keselamatan Sri Lanka dikerah mengawal keselamatan semasa Pilihan Raya Parlimen yang dijadualkan pada Khamis, kata juru cakap polis pada Selasa, lapor Xinhua.

Jurucakap polisNihal Thalduwa, memberitahu media, pasukan keselamatan ini dikerahkan mulai Selasa untuk memastikan pilihan raya dijalankan secara bebas dan adil, dan setakat ini mereka tidak menerima sebarang aduan serius mengenai insiden kekerasan berkaitan pilihan raya.

Thalduwa berkata mereka menurunkan1.36 juta poster pilihan raya haram menjelang tengah malam Isnin dengan menggunakan 1,500 pekerja. Kementerian Pendidikan mengumumkan semua sekolah di seluruh Sri Lanka akan ditutup pada Rabu dan Khamis berikutan pilihan raya. - ©BERNAMA

# LSST TAIB 2024 cungkil lebih ramai bakat baharu



FOKUS SUKAN

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**SUKAN** sepak takraw merupakan salah satu sukan tradisi yang sudah lama bertapak di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berkembang maju seiring dengan zaman. Meskipun kita berada di era yang serba moden ini, sukan tradisi ini sangat aktif bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat dunia.

Sukan yang menyaksikan dua pasukan bersaing dengan dipisahkan oleh jaring ini dianggotai oleh tiga orang sepasukan dan sukan tradisi ini memerlukan semangat kerjasama yang tinggi dengan kebolehan teknik mengawal dan menimang bola dengan baik juga merupakan kunci utama dalam sukan tradisi ini.

Di NBD, Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) merupakan persatuan yang berperanan penting dalam mengembang majukan sukan sepak takraw terutama sekali dalam melahirkan dan mencungkil atlet-atlet berbakat yang boleh diketengahkan dan seterusnya berpotensi mewakili pasukan kebangsaan.

Saingan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2024 anjuran PESTABARU dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) selaku penaja utama liga kembali lagi pada tahun ini.

Kejohanan yang berlangsung selama enam minggu berturut-turut ini mempertandingkan sebanyak tiga acara iaitu Regu Terbuka, Hoop dan Quadrant U23 dan diadakan di tiga *venue* berasingan iaitu di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Sungai Kebun, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong.

LSST TAIB 2024 pada kali ini menampilkan pasukan terbaik setelah melalui beberapa siri kejohanan pusingan kelayakan iaitu Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei 'A' (MS ABDB 'A'), MS ABDB 'B', Permata Hijau 'A', Siguntur Alam 'B', Semada 'B', Sengkurong, Mengkubau 'A', Warisan Belait 'B', Muara Spurs 'B', Meragang Tigres, 7 Bros, Masin Bersatu 'B', Permata Hijau 'B', Penglima Kota Batu, Miharbi 'A', Gabungan Kampong Lambak Kiri, MPK Luma ST 'B', Muara Spurs 'A', Warisan Belait 'A' dan Brunei Legend.

Dalam memantapkan lagi kejohanan LSST TAIB 2024 ini, pada Oktober lalu, seramai 22 peserta telah mengikuti Refresher's Course bagi Pegawai Teknikal untuk LSST TAIB 2024. Kursus ini juga adalah untuk membuat persiapan bagi ahli-ahli jawatankuasa untuk LSST TAIB 2024.

Matlamat utama kejohanan ini adalah sebagai promosi bagi menarik minat orang ramai berkecimpung dalam sukan sepak takraw dan seterusnya mencari bakat baharu yang berpotensi untuk diserapkan dalam program pembangunan atlet, pelapis dan pemain kebangsaan serta sebagai Whole of Nation Approach iaitu penglibatan beberapa agensi untuk mengambil peranan masing - masing membawa warga menuju bersama cara hidup sihat.

Dalam pada itu juga, kejohanan ini secara tidak langsung akan memacu kemajuan dan pembangunan sukan sepak takraw di negara ini sekali gus memberikan pendedahan kepada generasi-generasi muda mengenai sukan tradisi turun temurun ini.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir bagi menyaksikan perlawanan-perlawanan serta Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah pada hari-hari berkenaan bagi sama - sama memeriahkan dan memberi sokongan Kejohanan LSST TAIB 2024 dan masuk adalah percuma.



PELITA BRUNEI
# SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# JIS ANJUR OLAHRAGA TAHUNAN BJSL



**SUASANA sekitar Acara Olahraga Tahunan Brunei Junior Sports League (BJSL) (kiri dan kiri sekali).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 14 November. - Seramai kira-kira 250 pelajar terdiri dari Tahun 5 dan 6 dari Sekolah Hornbill, International School Brunei (Bandar Campus dan Seria Campus), Sekolah Panaga dan Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) bertanding pada Acara Olahraga Tahunan Brunei Junior Sports League (BJSL), baru-baru ini. Pada tahun ini, JIS menjadi tuan rumah acara sukan tersebut.

"Kami sangat teruja untuk mengalu-alukan atlet muda berbakat ke JIS. Pelajar olahraga dikehendaki membuat aksi pada tahap maksimum mereka dan tenaga serta semangat yang dipamerkan benar-benar memberi inspirasi," ujar Ketua Pendidikan Jasmani dan Sukan di JIS, Hasim Khan.

"Ia sangat menyeronokkan melihat pelajar dari seluruh negara berkumpul untuk mempamerkan keupayaan sukan, mempamerkan daya tahan dan semangat kesukanan mereka," tambahnya.

Acara ini turut menampilkan pelbagai pertandingan olahraga termasuk Larian 800 meter (m), Larian 600m, Larian 100m, Larian 60m dan Relays. Acara padang menampilkan Lembing, Lontar Peluru, Quoit Throw, Lompat Jauh dan Lompat Tiga.

Pengetua Eksekutif, Nicholas Sheehan mengongsikan ini adalah satu penghormatan untuk menganjurkan Acara Olahraga BJSL tahun ini dengan menghimpunkan atlet muda dari seluruh negara dalam semangat persaingan dan komuniti yang sihat. Acara seperti ini tambahnya merangkumi nilai dedikasi dan kerja berpasukan JIS.

# Lahirkan pemain berpotensi untuk pembangunan futsal

**Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League**

**TUNGKU**, Jumaat, 15 November. - 'Yakin Youth Interschool Futsal Tournament 2024' menyediakan platform kepada pemain peringkat akar umbi yang berusia bawah 11 tahun bagi mengembangkan kemahiran asas dan membantu mengilap serta melahirkan pemain yang berpotensi dari peringkat awal.

"Kejohanan julung kali juga sebagai peranan positif Yakin Football League dalam membentuk mentaliti dan menerapkan disiplin, kerja berpasukan dan semangat kompetitif yang menyumbang ke arah pembentukan karakter positif di luar padang," jelas Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies, Pengiran Haji Zamri bin Pengiran Haji Bujang pada perasmian 'Yakin Youth Interschool Futsal Tournament 2024' di Dewan Serbaguna Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Katanya, penganjuran sukan futsal peringkat U11 ini juga dilihat sebagai asas penting dalam pembangunan sukan futsal yang dilihat akan merintis pemain akar umbi sehingga ke peringkat lebih tinggi pada masa depan.

Kejohanan futsal anjuran Yakin Football League yang disokong oleh PIBG Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) itu disertai oleh lapan buah pasukan termasuk YSHHB Primary School Team 'A', YSHHB Primary School Team 'B', Stella School, Seri Mulia Sarjana School, Sekolah Rendah Panchor Murai dan tiga buah pasukan jemputan iaitu Lakhs FC, Al-Mujaahidun Fustal Academy dan Belia Masjid Kampung Kiudang.

Pasukan YSHHB Primary School Team 'B' menjuarai kejohanan, sementara pasukan Sekolah Rendah Panchor Murai selaku naib juara dan Pasukan Stella School menduduki tempat ke tiga.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies, Pengiran Haji Zamri dan Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies, Dayang Herna Nur Imani binti Haji Muhd. Jeffery.




**PASUKAN YSHHB Primary School Team 'B' menjuarai kejohanan 'Yakin Youth Interschool Futsal Tournament 2024'.**

## Tahukah Awda

**SKIM** Persaraan Kebangsaan (SPK) telah diberi penghormatan Anugerah 2024 Best of the Best ASEAN Awards untuk Most Improved Pension Fund yang dianjurkan oleh Asia Asset Management (AAM). Ini mempamerkan pengiktirafan bagi usaha luar biasa Negara Brunei Darussalam dalam mengubah landskap persaraannya untuk memastikan persaraan yang mampan dan inklusif untuk ahli-ahlinya.

**SUMBER** : *Pelita Brunei edisi Mac 2024*